

**KAJIAN SEMANTIK PENGGUNAAN FRASA NAMA
BAHASA TAMIL BERUNSURKAN BUDAYA
DALAM *BLOG THIRUTAMIL***

SUMADI A/P S.RAJAGOBAL

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**KAJIAN SEMANTIK PENGGUNAAN FRASA NAMA
BAHASA TAMIL BERUNSURKAN BUDAYA DALAM
*BLOG THIRUTAMIL***

SUMADI A/P S.RAJAGOBAL

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **SUMADI A/P S.RAJAGOBAL**

No.Pendaftaran/Matrik : **TGA110007**

Nama Ijazah : **SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

Tajuk Disertasi ("Hasil Kerja")

**KAJIAN SEMANTIK PENGGUNAAN FRASA NAMA BAHASA TAMIL
BERUNSURKAN BUDAYA DALAM *BLOGTHIRUTAMIL***

BidangPenyelidikan : **SEMANTIK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan dengan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dariapa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekali pun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja lain samaada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 9 MAR 2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi

Tarikh: 9 MAR 2016

Nama : EN.SUPRAMANI A/L SHONIAH
Pensyarah
Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM

ABSTRAK

TAJUK :KAJIAN SEMANTIK PENGGUNAAN FRASA NAMA BAHASA TAMIL BERUNSURKAN BUDAYA DALAM *BLOGTHIRUTAMIL*

The Use of Phrase in Tamil of Culture on Blog *Thirutamil*: A Study On Semantics

Kajian semantik ini menganalisis penggunaan frasa kata nama Tamil dalam *blog Thirutamil*: Satu Kajian Semantik. Bab satu membincangkan tentang *blog*, kebudayaan, semantik, kajian rintis, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, dan persoalan kajian.

Bab dua pula membincangkan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji lepas mengikut *blog*, kebudayaan dan semantik. Selain itu, kerangka teori juga dibincangkan. Pengkaji telah membincangkan kerangka kebudayaan yang diperluaskan oleh Newmark dari segi aspek Ekologi, Budaya Kebendaan, Budaya Sosial, Organisasi Sosial serta Gestur dan kebiasaan. Bab ini juga memaparkan cara analisis yang dilakukan.

Bab ketiga merupakan bab yang mentafsirkan metodologi kajian. Metodologi yang digunakan ialah kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji telah memilih 103 patah perkataan untuk mengkaji makna denotasi perkataan dan memilih 30 orang responden.perkataan.

Bab empat pula membincangkan analisis dapatan kajian.

- i) Mengenal pasti jenis-jenis frasa nama kebudayaan Tamil yang terdapat dalam *blog Thirutamil* berdasarkan senarai kebudayaan yang dikategorikan oleh Peter Newmark.
- ii) Perbezaan pemahaman denotasi perkataan dan frasa kebudayaan Tamil oleh responden.

Akhirnya, bab lima membincangkan dapatan kajian iaitu berlakunya perubahan makna, responden tidak memahami maksud tertentu, berlakunya perluasan makna. Selain itu, pengkaji juga membincang faktor yang mempengaruhi perubahan ini. Faktor Pertama ialah perkembangan bahasa Tamil itu sendiri. Kedua ialah tanggapan penutur bahasa Tamil, ketiga faktor perluasan sesuatu makna perkataan sendiri, keempat ialah faktor kewujudan bidang-bidang baru dalam bahasa Tamil dan faktor akhir ialah penambahan yang berlaku akibat pembatasan dan penyempitan makna. Tambahan pula, pengkaji turut membincangkan penemuan baharu, membuat perbandingan dengan kajian-kajian lepas dan memberi beberapa cadangan kepada pengkaji seterusnya.

Kata kunci : frasa nama, *blog*, budaya, semantik

ABSTRACT

The Use of Phrase of Culture in Tamil on Blog *Thirutamil*: A Study On Semantics

This semantic study analyses the use of Tamil noun and phrasal nouns in *Thirutamil*blog. Chapter 1 discusses about the blog, culture, semantic, pioneering studies, purpose of the study, objective of the study and the research questions.

The second chapter reviews the studies done by previous researchers with to blogs, culture and semantic. Other than that the base of the study is also discussed. The researcher discusses Theory of Culture introduced by Peter Newmark. This chapter also details how the analysis is done.

The third chapter defines the methodology of the study. The study is both qualitative and quantitative in nature. The researcher selects 103 nouns and noun phrase to study and 30 respondents' understanding of these denotations of noun and noun phrase.

Chapter 4 discusses finding of the study. The analysis involves

- (i) Identifying the types of Tamil nouns and noun phrases related to culture.
- (ii) Finding out to what extent the understanding of the denotation meaning of these nouns and noun phrases by the respondents (native speakers of Tamil) different from their lexical meanings.

Chapter 5 discusses the findings of the research which prove that changes in meanings do occur. Respondents do not understand the meanings of certain words which lead to exaggeration in meanings. Apart from this, the factors contribute to the changes in meanings are also discussed which include the development of Tamil Language, the speakers' perception and also the expansion of the meanings of certain words. Besides, the existence of new disciplines in Tamil Language as well as the additions and creations which occur due to limitation and restricted meanings have also been

identified as the contributing factors. Additionally, new findings have also been discussed relating to the previous findings. Finally, a few suggestions for further research have also been recommended in this study.

Keywords: phrasal noun, blog, culture, semantic

University of Malaya

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuhan yang Maha Berkuasa untuk menyempurnakan disertasi ini dengan baik.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya **Dr.Krishnan Ramasamy**, dan **En.Supramani a/l Shoniah** atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta sokongan moral sehinggalah saya berjaya menghasilkan disertasi ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik Saya berterima kasih kepada **Y.B.Datin Komadhy Thaveegan** ketua perpustakaan Universiti Malaya yang banyak membantu saya dalam hal-hal yang berkaitan dengan penyempurnaan kajian ini.

Terima kasih kepada ibu saya **Pn.Suppamah Solla**, suami saya **En. Kumaran Mariappan**, anak saya **Tarshini Kumaran**, dan adik saya **Pn.Parimala Rajagobal** terima kasih kerana sentiasa memahami kesibukan saya semasa menyiapkan kajian ini. Pengorbanan dan sokongan itulah yang menjadi perangsang kepada saya sehingga berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada kawan karib saya **Cik Kani Mozhi Nachiah**, **Pn.R.Rajamalar** dan **Pn.S.Selvarani** yang membantu membuat pembetulan dari segi tatabahasa, ejaan dan struktur ayat. Penghargaan juga saya rakamkan kepada rakan-rakan **G6 (En.S.Selvakumaran, Pn.K.Pushpa, En.R.Manokaran, En.R.Selvajothy dan En.K.Isaiyamuthan)** yang menghulurkan bantuan moral.

Sumadi Rajagobal
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
2016

Kandungan	Muka Surat
PENAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL	xviii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Kajian	2
1.1.1 <i>Blog</i>	2
1.1.2 <i>Kebudayaan</i>	4
1.1.3 <i>Semantik</i>	6
1.2 <i>Kajian Rintis</i>	9
1.3 <i>Permasalahan Kajian</i>	10
1.4 <i>Kepentingan Kajian</i>	11
1.5 <i>Tujuan Kajian</i>	11
1.6 <i>Objektif Kajian</i>	11
1.7 <i>Persoalan Kajian</i>	12
1.8 <i>Batasan Kajian</i>	12
1.9 <i>Definisi Pengoperasian</i>	12
1.9.1 <i>Blog Thirutamil</i>	13
1.9.2 <i>Frasa Nama</i>	13

1.9.3	Kebudayaan	13
1.9.4	Tamil	14
1.9.5	Denotasi	14
1.10	Kesimpulan	14
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	15
2.0	Pengenalan	15
2.1	<i>Blog</i>	15
2.1.1	Sejarah <i>Blog</i>	16
2.1.2	Ciri-ciri <i>Blog</i>	17
2.1.3	Faedah <i>Blog</i>	17
2.1.4	Penerokaan <i>Blog</i>	18
2.2	Kebudayaan	18
2.2.1	Ciri-ciri kebudayaan	20
2.2.2	Aspek-aspek Kebudayaan	22
2.2.3	Penerokaan Kebudayaan	25
2.3	Semantik	28
2.3.1	Sejarah Semantik	28
2.3.2	Jenis-jenis Makna	31
2.3.2.1	Denotasi	31
2.4	Sorotan Literatur dan Kajian Berkaitan Bidang Semantik	34
2.5	Kerangka Teori	45
2.5.1	Pengklasifikasian Peter Newmark	45
2.5.1.1	Ekologi	46
2.5.1.2	Budaya Material	46
2.5.1.3	Budaya Sosial	48

2.5.1.4	Organisasi Sosial	48
2.5.1.5	Gestur dan Kebiasaan	48
2.5	Kesimpulan	49
BAB 3	METODOLOGI	50
3.0	Pengenalan	50
3.1	Kaedah Kajian	50
3.2	Pemilihan Data Kajian	51
3.3	Pemilihan Sampel	52
3.4	Instrumen Kajian	52
3.4.1	Jadual Pengklasifikasian Frasa Kata Nama Budaya	53
3.4.2	Soal Selidik Elektronik	53
3.5	Penganalisan Data	54
3.5.1	Persoalan Kajian 1	55
3.5.2	Persoalan Kajian 2	56
3.6	Kesimpulan	56
BAB 4	PENGANALISISAN DATA	57
4.0	Pengenalan	57
4.1	Pengkategorian frasa nama kebudayaan	57
4.1.1	Pengklasifikasian frasa nama yang terdapat dalam <i>blog Thirutamil</i> yang dapat dikategorikan mengikut kerangka Peter Newmark dalam satu aspek kebudayaan sahaja	58
4.1.2	Pengklasifikasian frasa nama yang terdapat dalam <i>blog Thirutamil</i> yang dapat dikategorikan mengikut kerangka Newmark dalam dua aspek kebudayaan sahaja	63

4.1.3	Pengklasifikasian frasa nama yang terdapat dalam <i>blog Thirutamil</i> yang dapat dikategorikan mengikut kerangka Newmark dalam tiga aspek kebudayaan sahaja	64
4.2	Perbezaan Makna Denotasi Frasa Kebudayaan Tamil dengan Makna yang Difahami oleh Pelayar <i>Blog 'Thirutamil'</i> .	64
4.2.1	Katogeri Frasa Nama Dalam Aspek Ekologi	65
4.2.2	Katogeri Frasa Nama Dalam Aspek Budaya Sosial	74
4.2.3	Katogeri Frasa Nama Dalam Aspek Organisasi Sosial	77
4.2.4	Katogeri Frasa Nama Dalam Aspek Gestur Dan Kebiasaan	104
4.2.5	Frasa Nama Kebudayaan Tamil Yang Mengandungi Lebih Dari Satu Aspek	106
4.3	Rumusan Analisis Data Responden	116
4.3.1	Rumusan Analisis Data Responden Langsung Tidak Tepat Frasa Nama Kebudayaan Tamil Dalam <i>Blog Thirutamil</i>	116
4.3.2	Rumusan Analisis Data Responden Langsung Tidak Faham Frasa Nama Kebudayaan Tamil Dalam <i>Blog Thirutamil</i>	118
4.4	Kesimpulan	121
BAB 5	DAPATAN DAN CADANGAN	122
5.0	Pengenalan	122
5.1	Dapatan Kajian	122
5.2	Penemuan Baharu	126
5.3	Perbandingan	127
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	128
5.5	Kesimpulan	129
	Rujukan	131

Lampiran A	141
Lampiran B	144
Lampiran C	169

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual		Muka Surat
Jadual 1.1	Jadual Perincian Soalan Kajian Rintis	9
Jadual 3.1	Contoh Jadual Persoalan Kajian 1	55
Jadual 3.2	Contoh Jadual Persoalan Kajian 2	56
Jadual 4.1	Pengklasifikasian Frasa Nama Dalam Satu Aspek Kebudayaan	58
Jadual 4.2	Pengklasifikasian Frasa Nama Kebudayaan Dalam <i>Blog Thirutamil</i> Mengikut Kerangka Newmark Dalam Peratus	61
Jadual 4.3	Pengklasifikasian Frasa Nama Dalam Dua Aspek Kebudayaan	63
Jadual 4.4	Pengklasifikasian Frasa Nama Dalam Tiga Aspek Kebudayaan	64
Jadual 4.5	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>ma:Nikkam</i>	65
Jadual 4.6	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>paruththi</i>	66
Jadual 4.7	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>maNap poruLkaLai</i>	67
Jadual 4.8	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>paqRuLi</i>	68
Jadual 4.9	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>kaRive:pplai</i>	69
Jadual 4.10	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>thuLasi sediyin ilaigaL</i>	70
Jadual 4.11	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Pelayar Dalam Frasa <i>murungaik ki:rai</i>	71
Jadual 4.12	perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>siththa maruthuvam</i>	74
Jadual 4.13	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>thamizh vaNigargaL</i>	75

Jadual 4.14	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>muchangga marabu</i>	77
Jadual 4.15	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>kadaichanggam</i>	78
Jadual 4.16	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Pelayar Dalam Perkataan <i>agathiyana:r</i>	79
Jadual 4.17	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>muthuṅa:rai</i>	80
Jadual 4.18	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>ṅaRRinai ṅa:nu:Ru</i>	81
Jadual 4.19	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>ku:ththu</i>	82
Jadual 4.20	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>pe:risai</i>	83
Jadual 4.21	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>ṅanṅu:l</i>	84
Jadual 4.22	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>ya:pparungkalaka:rigai</i>	85
Jadual 4.23	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>thonnu:l viLakkam</i>	86
Jadual 4.24	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>aNi</i>	87
Jadual 4.25	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>vaLLala:r</i>	88
Jadual 4.26	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>saiva vadakalaiya:LargaLukkum thenkaiya:Largalukkum</i>	89
Jadual 4.27	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>ithiga:sanggaL</i>	90
Jadual 4.28	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>palaṅa:L paddini</i>	91

Jadual 4.29	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>pesa:viraththaiyum</i>	92
Jadual 4.30	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>thi:rththam</i>	93
Jadual 4.31	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>sivalayam</i>	94
Jadual 4.32	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>thamizh kalveddu</i>	95
Jadual 4.33	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>ko:yil thiruviza</i>	96
Jadual 4.34	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>ko:ththira kulappirivugaL</i>	104
Jadual 4.35	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>marutha:Ni</i>	106
Jadual 4.36	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>athiga:lai thuyil ezhuthal</i>	107
Jadual 4.37	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>uNavuk kodai</i>	108
Jadual 4.38	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>manjaL pu:si kuLikka uththavum</i>	109
Jadual 4.39	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Perkataan <i>iddili</i>	110
Jadual 4.40	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>kuththu viLakku</i>	111
Jadual 4.41	Perbezaan Kefahaman Makna Denotasi Responden <i>Blog</i> Bagi Frasa <i>tho:raNam kadduthal</i>	112
Jadual 4.42	Rumusan Analisis Data Responden Langsung Tidak Tepat (☒)	116
Jadual 4.43	Rumusan Analisis Data Responden Langsung Tidak Faham (■)	118

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah

Muka Surat

Rajah 3.1

Aspek Kebudayaan Peter Newmark

55

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

E	: Ekologi
BK	: Budaya Kebendaan
BS	: Budaya Sosial
OS	: Organisasi Sosial
GK	: Gestur dan Kebiasaan
R	: Respondan
Tepat	: ☑
Kurang Tepat	: ⊙
Langsung Tidak Tepat	: ☒
Langsung Tidak Faham	: ■

University of Malaya

SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL

VOKAL

அ	-	a
ஆ	-	a:
இ	-	i
ஈ	-	i:
உ	-	u
ஊ	-	u:
எ	-	e
ஏ	-	e:
ஐ	-	ai
ஓ	-	o
ஔ	-	o:
ஔள	-	Au
::	-	q

KONSONAN

க்	- k/h/g	ய்	- y	ங்	- ng
ச்	- s/ch	ர்	- r	ஞ்	- nj
ட்	- d	ல்	- l	ண்	- N
த்	- th	வ்	- v	ந்	- ñ
ப்	- b/p	ழ்	- z	ம்	- m
ற்	- R	ள்	- L	ன்	- n

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Pada zaman ini, manusia terpaksa hidup dengan alat-alat yang menggunakan gelombang seperti *I-Pad*, *Facebook*, *Internet*, komputer riba, e-mel, e-fail, e-perniagaan, e-pendidikan, laman sesawang dan sebagainya. Pelbagai aktiviti diuruskan dengan menggunakan alat-alat yang disenaraikan di atas, antaranya ialah *blog*. *Blog* berasal dari kata *Weblog* yang membawa maksud catatan atas talian. Ia mengandungi artikel, pengumuman, iklan, pendapat penulis dan juga maklumat serta pendapat orang lain yang sentiasa boleh diperbaharui mengikut cita rasa seseorang. Ia dapat diakses oleh orang perseorangan dan juga umum. Keadaan ini menyebabkan kadar penggunaan *blog* semakin tinggi dalam kalangan masyarakat umum yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan budaya.

Dengan perkembangan ini, dunia Bahasa Tamil juga mempunyai pelbagai *blog* yang terdiri daripada bidang bahasa, perubatan, pendidikan, agama, hiburan, sastera dan sebagainya. Salah satu *blog* Tamil yang terkenal di Malaysia ialah *blog 'Thirutamil'*. *Blog* ini memainkan peranan yang penting di Malaysia dalam memberi maklumat yang bermanfaat dan tepat kepada masyarakat Tamil. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih beberapa artikel yang menggunakan frasa kata nama kebudayaan Tamil untuk mengenal pasti erti denotasinya.

1.1 Latar belakang Kajian

1.1.1 *Blog*

Blog berasal daripada perkataan *Weblog* yang membawa maksud catatan atas talian. *Weblog* diasaskan oleh seorang ahli sains yang bernama Berners-Lee pada tahun 1990 (Rettberg, 2008). Pada tahun 1994 pula, Justin Hall telah memulakan diari atas talian. Dalam diari ini, beliau menulis tentang keluarga, rakan-rakan, pengalaman beliau dan sebagainya. Pada tahun 1996 pula, Berness Lee memaparkan diari beliau. Dalam diari tersebut bukan sahaja beliau dapat mengenal pasti siapa yang menggunakan *blog* beliau, malah beliau juga dapat mengikuti apa-apa yang dilihat oleh pelayar dan juga apa-apa yang mereka muat-turun daripada diari beliau. Walau bagaimanapun, penggunaan diari digunakan secara manual sahaja sehingga tahun 2003.

Pada tahun 1997, Jorn Barger dan Dave Winer membuka diari atas talian mereka secara rasmi. Dalam lingkungan tahun 1999, sebanyak 2500 diari atas talian dibuka di bawah nama *anonymous* dan pada tahun yang sama juga *free weblogging* diperkenalkan (Rettberg, 2008). Perkembangan dunia *weblogging* diperkembangkan lagi dengan kemudahan berbual bersama--sama *blog* dan keadaan ini membolehkan penggunaan *blog* semakin berleluasa di khalayak ramai. Pada tahun 2002, *Oxford English Dictionary* telah mencatatkan maksud *blog* dalam kamusnya. Pada tahun 2003, *Thecnorati.com* melancarkan satu *blog* yang membolehkan pemilik *blog* meningkat kepada tiga juta menjelang tahun 2004 dan seterusnya kepada 70 juta pada April 2007.

Blog boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu *blog* peribadi, *blog* penapis dan *blog* bertopik. *Blog* peribadi yang terkenal adalah *blog Dooce's* yang memaparkan hal peribadi beliau untuk bacaan umum. Dengan ini beliau dapat berkongsi pengalaman beliau dalam *blog* ini. Dalam *blog* peribadi seperti ini para *blogger* memuat naik jurnal, senarai rakan, sesi berkongsi pendapat untuk berkongsi maklumat dengan rakan-rakan

dan kumpulan yang melayari *blog* tersebut. Namun demikian, para *blogger* tidak berkongsi semua maklumat peribadi (Rettberg, 2008).

Blog penapis pula tidak seperti *blog* peribadi. *Blogger* penapis membuat laporan dan berkongsi pengalaman mereka sahaja dan mereka tidak menulis tentang hal peribadi mereka. *Blog* penapis pertama ialah *Robot Wisdom* yang diasaskan oleh *Jorn Barger*. *Blog* ini hanya mempunyai pautan tanpa komen. Pada tahun 1998 pula, Jason Kottke mengasaskan *blog* penapis dan beliau dapat menggabungkan berita laman sesawang dan hal-ehwal peribadi beliau. Walau bagaimanapun, *blog-blog* jenis ini tidak mempunyai pelayar dan pembaca yang ramai (Rettberg, 2008).

Blog bertopik pula memfokuskan topik-topik seperti mengait, kewangan peribadi, fesyen, seni digital dan sastera elektronik, politik, teori kuantum ataupun produk peribadi. Dalam *blog* bertopik, para *blogger* akan menapiskan jumlah berita, maklumat dan komunikasi dalam sesuatu laman sesawang kerana *blog-blog* ini diuruskan oleh individu. *Blog* bertopik juga sering dijalankan bersama-sama oleh sekumpulan penyumbang. *Blog* bertopik ini berbeza daripada *blog* peribadi dan bertapis kerana adanya item-item seperti hobi, kehairahan dan kecenderungan serta profesi (Rettberg, 2008).

Blog-blog ini digunakan dan dihasilkan dalam semua bahasa di dunia termasuk Bahasa Tamil yang turut digunakan dalam pelbagai *blog*. Salah satu *blog* bahasa Tamil yang terkenal di Malaysia ialah *blog Thirutamil*.

Pada tanggal 15 Mei 2005, *blog Thirutamil* diwujudkan oleh En. Suba Narkunan di Malaysia. Beliau ialah seorang Guru Cemerlang bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil St. Mary, Parit Buntar, Perak. Ahli *blog* ini terdiri daripada 753 orang (*Thirutamil blogspot*, 2013) yang mana kebanyakan daripada mereka terdiri daripada guru, pelajar dan ahli bahasa.

Banyak artikel dimuat naik dalam *blog Thirutamil* ini mencakupi pelbagai tema seperti bahasa Tamil, etnik, agama, sejarah, kehidupan termasuklah artikel yang berunsur kebudayaan. Dalam artikel-artikel yang bersangkutan paut dengan kebudayaan, banyak frasa kebudayaan Tamil digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada para pembaca *blog*. Justeru, *blog 'Thirutamil'* menjadi sasaran pengkaji dalam pengkajian semantik frasa kebudayaan Tamil.

1.1.2 Kebudayaan

Mengikut Edward Tylor, kebudayaan atau peradaban adalah komponen keseluruhan yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, peraturan, adat resam dan kecekapan serta tabiat yang diperoleh seseorang sebagai anggota masyarakat untuk mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi. Maknanya, seseorang akan belajar cara menghadapi sesuatu masalah dengan memerhatikan tingkah laku yang dilaksanakan oleh masyarakat persekitarannya (Tylor, 1871).

Terdapat juga sarjana yang terpengaruh dengan Tylor dalam menghasilkan teori kebudayaan. Pemprosesan itu berlaku berdasarkan proses penapisan dan penganalisan terhadap definisi kebudayaan Tylor (David L.Sills, 1968) dan antara yang dikenal pasti ialah Edward Sapir. Beliau mendefinisikan kebudayaan sebagai apa-apa yang dilakukan dan difikirkan oleh rakyat, serta suatu elemen atau kandungan yang diwarisi secara sosial sama ada daripada kehidupan manusia, kebendaan ataupun rohaniah. Pendapat Tylor turut dikritik oleh sarjana barat iaitu ahli antropologi George J.W.Stocking. Beliau tidak bersetuju dengan pandangan Tylor yang menyamakan kebudayaan dengan peradaban. George J.W.Stocking juga menyatakan bahawa kebudayaan dan peradaban ialah dua perkataan yang berbeza dari perspektif makna dan teori, serta penggunaannya dalam kehidupan seharian seseorang manusia (Stocking, 1968). Namun begitu, Stocking tidak menyatakan sebarang teori dan makna kebudayaan.

Seterusnya, Ralph Linton dalam bukunya yang bertajuk *The Cultural Background of Personality* menyatakan bahawa kebudayaan adalah keseluruhan ilmu pengetahuan, sikap dan bentuk tingkah laku yang dikongsi dan dihasilkan bersama-sama dengan umat manusia yang lain dalam sesebuah komuniti (Linton, 1936). Kroeber (1948), pula mendefinisikan kebudayaan sebagai suatu yang boleh dipelajari oleh seseorang. Kebudayaan ini dapat diperlihatkan melalui tindak balas, tingkah laku, cara, pemikiran, dan nilai, serta kelakuan yang terpaksa mereka laksanakan. Leslie A. White (1949), menyatakan kebudayaan sebagai suatu simbol yang mengandungi peralatan, pakaian, adat resam, organisasi-organisasi, kepercayaan, upacara keagamaan, permainan, kesenian dan bahasa.

Dalam bahasa Tamil pula kebudayaan dikatakan *paNpa:du* yang bermaksud modulasi budaya. Menurut Bavanaar (1967) kebudayaan dikaitkan dengan perubahan tanah dan perubahan jiwa manusia. Jiwa manusia dibudayakan melalui pendidikan yang diperolehnya. Beliau menyatakan bahawa kebudayaan berbeza dengan ketamadunan, yang mana kebudayaan dinyatakan sebagai disiplin yang dipulih, yakni semua alat akan digunakan untuk semua orang. Ketamadunan pula adalah kehidupan yang dipulih, yakni semua alat digunakan untuk orang perseorangan sahaja (Bavanaar, 1967). Idea beliau juga berbeza dengan Tylor yang mana beliau melihat kebudayaan dan ketamadunan sebagai dua perkara yang sama.

Mudjahirin, (2007) pula mengatakan bahawa perkataan kebudayaan berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu '*buddayah*'. Kata akarnya ialah *Buddhi* (budi) yang bermaksud akal. Kebudayaan ialah kata majmuk daripada perkataan budi + daya. Perkataan 'budi' bermaksud cahaya atau sinar yang terletak pada batin seseorang. Perkataan 'daya' pula membawa maksud upaya atau usaha. Secara amnya, kebudayaan boleh dimaksudkan sebagai sesuatu yang sudah terjadi dan sudah terbentuk mengikut sesuatu masyarakat.

Secara keseluruhannya, kebudayaan dikatakan sebagai cara hidup yang berupa kelahiran warisan sesuatu masyarakat sama ada dalam bentuk kebendaan ataupun tidak yang dijelmakan daripada fikiran dan perbuatan manusia dalam kehidupan. Ia merangkumi keseluruhan aspek kehidupan seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, peraturan, tatasusila dan adat istiadat.

Frasa ialah satu kata atau lebih daripada itu yang berfungsi sebagai subjek, predikat atau objek dalam sesuatu ayat (Kamus Dewan, 2005). Frasa kebudayaan pula merujuk kepada perkataan-perkataan yang mempunyai sifat-sifat kebudayaan.

1.1.3 Semantik

Semantik ialah kajian tentang maksud perkataan dan penambahan maksud sesuatu perkataan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Pemikir Yunani Aristotle merupakan orang pertama yang menggunakan istilah “makna” pada tahun 384-322 SM. Beliau telah membahagikan makna kepada dua bahagian iaitu makna yang hadir pada perkataan itu sendiri dan yang kedua ialah makna yang hadir akibat terjadinya hubungan gramatikal ataupun dikenali sebagai tatabahasa (Aminuddin, 1985).

Pada tahun 1825, C.Chr. Reising, mengemukakan konsep baharu tentang tatabahasa. Beliau membahagikan tatabahasa kepada tiga bahagian iaitu semasiologi, sintaksis dan etimologi. Pertumbuhan semantik telah diberi tumpuan oleh Michel Breal (1883). Beliau menyatakan bahawa semantik ialah bidang baharu dalam tatabahasa yang banyak menekankan kepada perubahan makna, latar belakang perubahan makna, hubungan makna dengan logik dan psikologi.

Halliday (1975) dalam karyanya berjudul *Learning How to Mean* menyatakan bahawa belajar sesuatu bahasa adalah belajar memaknakan sesuatu bahasa. Menurut beliau, seseorang itu perlu menerima model bahasa yang terdiri daripada bunyi, bentuk dan

makna. Selain itu, perkembangan bahasa sebagai semiotik juga diperkenalkan oleh Halliday yang mana menurut beliau, sistem semiotik merupakan saranan utama dalam budaya. Oleh itu, kita perlu mencari semantik di luar bahasa. Potensi makna yang dicipta dalam proses ini disebut sebagai sistem pembuat makna atau *A System For Making Meanings*.

Ferdinand de Saussure (1974), yang dikenali sebagai bapa linguistik moden menyatakan bahawa semantik dan linguistik merupakan dua komponen yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Saeed (2003) dalam bukunya bertajuk *Semantic* menyebut tentang 'semantik' sebagai ilmu yang mempelajari tentang makna yang dikomunikasikan melalui sesuatu bahasa. Dalam buku ini, beliau turut menegaskan tentang semantik sebagai kajian makna perkataan dan makna ayat.

Menurut Palmer (1989) semantik ialah istilah yang merujuk kepada kajian maksud. Oleh sebab maksud ialah sebahagian daripada bahasa, maka ia menjadi sebahagian daripada linguistik. Palmer (1989) menyatakan bahawa semantik dikendalikan sebagai sains makna dengan tidak menekankan kepada aspek perubahan makna dari segi sejarah (Palmer, 1989).

Kempson (1991) pula berpendapat bahawa terdapat empat syarat untuk mendeskripsikan semantik iaitu teori Imejan, teori Behaviorisme, teori Analisis Komponen dan teori Logik Simbolik. Teori Imejan bermaksud pendekatan saintifik dalam penghuraian makna yang digunakan secara meluas oleh pengkaji-pengkaji linguistik tradisional. Seterusnya ialah Teori Behaviorisme yang bermaksud pangajaran dan pembelajaran akan mempengaruhi segala tingkah laku seseorang sama ada baik atau sebaliknya. Ia juga boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Selain itu, Teori Analisis Komponen Makna menjelaskan kata-kata yang mempunyai hubungan makna antara satu sama lain. Ia dikenali sebagai struktur leksikal. Akhirnya ialah Teori Logik

Simbolik yang dikenali sebagai Analisis Logik atau Analisis Linguistik. Teori ini mengkaji makna dari segi perkataan, ayat dan perilaku manusia sebagai reaksi kepada tanggapan yang diterima oleh mereka mengenai sesuatu perkataan.

Lyons (1971) menjelaskan yang pada umumnya, semantik diertikan sebagai suatu kajian tentang makna. Lyons (1971) melihat semantik melalui tiga aspek iaitu sintaksis, semantik dan pragmatik. Sintaksis bermaksud kajian mengenai hubungan formal antara tanda-tanda. Semantik ialah kajian yang berkaitan dengan tanda-tanda dan objek-objek yang merupakan wadah penerapan tanda-tanda tersebut. Pragmatik pula adalah kajian yang berhubung dengan tanda-tanda dengan para pentafsir. Beliau juga menyatakan bahawa makna adalah idea atau konsep yang boleh dipindahkan daripada fikiran penutur kepada pendengarnya yang akan menghasilkan satu bahasa yang lain (Lynos, 1994).

Menurut Abdullah Hassan (2007), maksud semantik yang digunakan dalam bahasa harian berlainan daripada istilah ilmu, manakala dalam linguistik pula bermaksud kajian fenomena makna dalam bahasa. Menurut beliau, semantik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu denotasi dan konotasi.

Denotasi merupakan perkataan Latin yang berasal daripada perkataan kata kerja *de-noto* iaitu ‘menentukan’, ‘menyatakan’, untuk menentukan makna sesuatu perkataan yang dapat dibezakan daripada perkataan lain. Abdullah Hassan (2007) juga menyatakan bahawa denotasi ialah maksud yang dinyatakan oleh sesuatu perkataan. Dalam setiap makna perkataan, terdapat makna inti. Maksud sesuatu perkataan itu mungkin luas atau mungkin berubah, tetapi ada komponen yang tetap. Sebagai contoh, makna inti perkataan kaki ialah ‘anggota badan manusia atau binatang (di bahagian bawah) digunakan bagi bergerak’. Makna ini merupakan makna yang terdapat dalam kamus-kamus bahasa Melayu. Maksud inti seperti yang tercatat dinyatakan sebagai denotasi.

Makna inti yang dinyatakan dalam kamus ialah denotasi manakala konotasi merupakan makna tambahan. Maka, etimologi denotasi secara umumnya menjelaskan bahawa idea untuk menentukan sesuatu objek disebabkan oleh makna ciri yang berbeza (Regotti & Rocci, 2006). Lyons (1977) pula menyatakan bahawa denotasi digunakan untuk menunjukkan golongan manusia, benda dan lain-lain yang biasanya diwakili oleh ungkapan.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin memfokus kepada makna denotasi frasa nama kebudayaan Tamil daripada artikel-artikel *Thirutamil*. Ramai yang melayari *blog Thirutamil* tetapi adakah mereka memahami denotasi frasa kebudayaan Tamil daripada artikel-artikel yang dibaca untuk memahami maksud kandungan sebenarnya? Justeru, satu kajian rintis telah dijalankan.

1.2 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan untuk mengetahui kefahaman terhadap istilah-istilah kebudayaan dalam kalangan beberapa orang guru sekolah rendah dan pelajar Universiti Malaya. Seramai dua puluh orang pelajar dan guru terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menyediakan soal selidik yang mengandungi dua puluh soalan (Lihat jadual 1.1).

Jadual 1.1 Jadual Perincian Soalan Kajian Rintis

NOMBOR SOALAN	PERINCIAN SOALAN
Soalan 1 - 3	Kebudayaan secara umum
Soalan 4 - 8	Frasa kebudayaan Tamil
Soalan 9 - 12	Maksud denotasi dan konotasi perkataan kebudayaan Tamil
Soalan 13 - 15	Soalan asas kata nama
Soalan 16 – 20	Semantik

Soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan kebudayaan secara am dan kebudayaan Tamil secara khas. Selain itu, soalan berbentuk semantik iaitu menyoal tentang makna

denotasi dan konotasi perkataan kebudayaan Tamil juga terkandung dalam set soal selidik.

Setelah menganalisa soal selidik tersebut, didapati kebanyakan responden kajian memahami kebudayaan secara am sahaja. Sebanyak 68% responden tidak memahami soalan 1 hingga 3 iaitu soalan umum tentang kebudayaan. Bagi soalan 4 hingga 8 iaitu soalan-soalan berkaitan jenis-jenis frasa kebudayaan Tamil pula, 62% responden tidak dapat menjawab dengan tepat. Peratusan ini menunjukkan bahawa para pelayar kurang memahami sebahagian kecil kebudayaan Tamil. Soalan 9-12 pula berkaitan dengan makna denotasi dan konotasi sesuatu perkataan kebudayaan Tamil. Sebanyak 92% responden kurang memahami bahagian ini. Peratusan selebihnya tidak memahami langsung makna denotasi dan konotasi. Soalan 13-15 ialah soalan asas kata nama. Seramai 58% masih kurang memahami perkataan kebudayaan Tamil dalam mengkategorikan kata nama. Dalam bahagian ini, ramai responden tidak dapat menjawab dengan betul. Soalan 16 – 20 berkaitan dengan semantik. Sebanyak 78% responden kurang memahami bahagian ini. Dapatan kajian rintis ini menunjukkan bahawa jawapan sampel yang berbeza-beza daripada makna asal yang ingin disampaikan oleh penulis dan ini telah membuka ruang kepada pengkaji untuk menentukan masalah kajian secara mendalam.

1.3 Permasalahan Kajian

Daripada kajian rintis yang dijalankan, ternyata bahawa pelayar-pelayar blog memang menghadapi masalah dalam memberi dan memahami maksud. Maksud mereka memang berbeza-beza dari sudut denotasi. Kegagalan para pelayar *blog* yang kurang memahami istilah kebudayaan merupakan jurang yang perlu dikaji. Maka, pengkaji membuat satu kajian yang lebih mendalam yang dapat menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan penyataan masalah yang dikenal pasti melalui kajian rintis.

1.4 Kepentingan Kajian

Ramai pelayar *blog Thirutamil* terdiri daripada guru, pelajar dan ahli bahasa. Melalui dapatan kajian ini, guru-guru boleh menerapkan makna frasa nama kebudayaan yang kaya dengan nilai-nilai kebudayaan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil di sekolah menengah mahupun sekolah jenis kebangsaan Tamil. Tambahan pula, kajian ini penting kerana para pengkaji bahasa boleh menerapkan frasa nama kebudayaan Tamil secara tepat dalam tulisan serta percakapan mereka. Selain guru, para pelajar dan ahli bahasa juga dapat menghayati dan mengamati makna denotasi frasa nama kebudayaan Tamil secara mendalam. Oleh itu, dapatan kajian ini membantu para pembaca memahami maksud sebenar denotasi yang dinyatakan dalam artikel-artikel dalam *blog Thirutamil*.

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan kefahaman maksud denotasi melalui penggunaan frasa nama kebudayaan Tamil yang terdapat dalam *blog Thirutamil*. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan pemahaman makna dalam kalangan pelayar *blog Thirutamil*.

1.6 Objektif Kajian

Pengkaji mengutarakan beberapa objektif dalam menjalankan kajian ini, iaitu:

- 1) Menenal pasti jenis-jenis frasa nama yang terdapat dalam *blog Thirutamil* berdasarkan senarai kebudayaan yang dikategorikan oleh Peter Newmark.
- 2) Menenal pasti perbezaan makna denotasi antara frasa nama kebudayaan Tamil dalam kamus dengan makna yang difahami oleh pelayar *blog Thirutamil*.

1.7 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab dua persoalan iaitu:

- 1) Apakah jenis-jenis frasa nama yang terdapat dalam *blog Thirutamil* berdasarkan senarai kebudayaan yang dikategorikan oleh Peter Newmark?
- 2) Apakah perbezaan makna denotasi antara frasa nama kebudayaan Tamil dalam kamus dengan makna yang difahami oleh pelayar *blog Thirutamil*?

1.8 Batasan Kajian

Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada pemilihan seratus tiga perkataan/frasa nama kebudayaan Tamil yang terdapat dalam artikel-artikel daripada *blog Thirutamil* sahaja. Pengkaji memilih perkataan atau frasa nama kebudayaan kerana ia mempunyai unsur kebudayaan. Selain itu, memandangkan pengkaji mendapat data yang mencukupi untuk menjawab persoalan kajian, maka artikel daripada *blog* lain tidak difokuskan. Analisis kajian ini dibataskan kepada penggunaan frasa nama kebudayaan Tamil sahaja. Pengkaji telah mengenalpasti jenis-jenis frasa nama kebudayaan dan mengenal pasti perbezaan makna sebenar denotasi frasa nama kebudayaan Tamil dengan makna yang difahami oleh pelayar-pelayar *blog Thirutamil*. Seterusnya, pengkaji menjelaskan sebab-sebab adanya perbezaan makna dalam kalangan pelayar.

1.9 Definisi Pengoperasian

Definisi pengoperasian merujuk kepada konsepsi dan pemahaman terhadap perkataan-perkataan penting yang digunakan dalam kajian ini. Pemberian definisi ini dapat memudahkan pemahaman pembaca kajian ini. Selain itu, para pembaca boleh membaca dengan lancar. Berikut ialah penerangan definisi beberapa istilah yang bertujuan untuk melancarkan pemahaman pembaca.

1.9.1 Blog Thirutamil

Blog Thirutamil diasaskan oleh En.Suba.Nargunan pada 15 Mei 2005. Beliau menulis pelbagai artikel yang berkaitan dengan bahasa, agama, bangsa, pendidikan, perubatan, dan sebagainya (*Thirutamil blogspot*, 2013). Daripada artikel-artikel ini, pengkaji hanya memilih sembilan buah artikel oleh sebab adanya penggunaan perkataan atau frasa kebudayaan dalam tahun 2006-2010. Dengan kata lain, artikel-artikel yang dipilih dalam *blog Thirutamil* memaparkan pelbagai penggunaan perkataan atau frasa kebudayaan Tamil.

1.9.2 Frasa nama

Frasa ialah satu perkataan atau lebih daripada satu perkataan yang dapat bertugas sebagai subjek, predikat atau objek dalam pembinaan sesuatu ayat (PRPM). Menurut Asmah Haji Omar (2009) frasa nama ialah frasa yang boleh berdiri pada subjek dan objek ayat, dan juga predikat nama, di samping boleh menggantikan kata nama. Nik Safiah Karim dan rakan (2006) pula berpendapat bahawa binaan dari sudut nahu boleh terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang boleh berfungsi sebagai satu konstituen dalam binaan ayat.

1.9.3 Kebudayaan

Kebudayaan ialah komponen keseluruhan yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, peraturan, adat resam dan kecekapan serta tabiat yang diperoleh seseorang sebagai anggota masyarakat dalam mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi (Tylor, 1871).

1.9.4 Tamil

Tamil bermaksud bahasa yang ditutur oleh kaum Tamil.

1.9.5 Denotasi

Denotasi ialah makna sebenar sesuatu perkataan yang terdapat di dalam kamus. Di dalam tesis ini, pengkaji melihat kepada kefahaman pelayar *blog* terhadap makna denotasi frasa nama kebudayaan Tamil. Pengkaji juga memerhatikan perubahan makna yang disampaikan oleh pelayar blog sama ada menyerupai maksud kamus atau berbeza daripada maksud dalam kamus. Makna denotasi frasa nama kebudayaan Tamil dikaji mengikut pengkategorian Peter Newmark.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, buku, kajian ilmiah, rencana, artikel dan jurnal yang membincangkan frasa nama kebudayaan Tamil adalah terbatas. Selain itu, kajian dari segi semantik dalam bahasa Tamil khususnya denotasi frasa nama kebudayaan Tamil juga tidak begitu memuaskan. Oleh itu, pengkaji telah memilih tajuk ini dalam usaha untuk membuat kajian yang lebih terperinci.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian juga dikenali sebagai kajian perpustakaan. Sorotan kajian ini dilakukan supaya dapat mengumpul data yang berkaitan dengan bidang yang dikaji. Sorotan kajian yang meluas ini akan merintis jalan untuk pengkaji melakukan kajian secara lebih mendalam. Sorotan kajian ini juga akan membantu penyelidik mencerakinkan pendapat dan pandangan pengkaji-pengkaji terulung dalam bidang semantik ini. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan maksud *blog*, maksud kebudayaan dan elemen-elemen semantik.

2.1 *Blog*

Blog bermakna catatan atas talian. Rettberg (2008) dan Zawilinski (2009) menyatakan bahawa pada awalnya, *blog* dikenali sebagai *weblog*. Michaelaw pula menyatakan bahawa *blog* adalah satu sesawang yang mempunyai teks, audio dan video dalam sesuatu subjek. Selain pengkaji-pengkaji tadi, Catherine O'Sullivan (2005) menganggap *blog* sebagai *live jurnal* yang membawa maksud 'diari elektronik'. Menurut beliau, *blog* mempunyai nilai yang sama seperti diari lama dan ia membawa manfaat kepada penyelidik sebagai laporan elektronik.

2.1.1 Sejarah *blog*

Blog mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Rettberg (2008) menjelaskan bahawa laman sesawang wujud pada tahun 1990 dan ia diasaskan oleh Tim Berners-Lee. *Weblog* diasaskan oleh Jorn Barger yang sentiasa memuat naik perkembangan beliau, karangan, dan sebagainya. Ia mula menarik perhatian pada tahun 1997. Pada tahun 1999, Pitas memperkenalkan peralatan pembukaan *blog* kepada dunia komputer. Beliau juga mengutarakan hubungan perkomputeran yang akan wujud selepas memperoleh *blog* tersendiri.

Ilangovan.M. (2010) membincangkan perkembangan sejarah *blog* Tamil. Pengasas *blog* Tamil ialah *blog* Inggeris. Pengguna *blog* Inggeris telah merintis jalan untuk membuka *blog* dalam bahasa Tamil. Pelbagai perisian untuk bahasa Tamil telah diwujudkan oleh *google*. Salah satunya ialah *blog*. *Google* juga telah menyediakan insurans kepada pengguna *blog*. Keadaan ini menggalakkan ramai pelayar Tamil mewujudkan *blog* mereka sendiri.

Selain itu, pengetahuan mengenai *blog* diperluaskan melalui bengkel *blog* pertama yang diadakan di *Vizuppuram, Tamil Nadu*. Dalam bengkel ini, pelayar diberikan pengetahuan am tentang Internet, sejarah *blog*, *Tamil unicode*, cara memasukkan huruf dalam komputer, penggunaan perisian dalam bahasa Tamil dan sebagainya. Selepas itu beberapa bengkel telah dilaksanakan oleh beberapa pusat pengajian tinggi di seluruh dunia seperti kolej *Palani*, universiti *Annamalay*, Universiti Malaya (2012) dan sebagainya. Keadaan ini membawa kepada kemunculan ramai *blogger* yang menghasilkan *blog* dalam bahasa Tamil.

2.1.2 Ciri-ciri *Blog*

Blog-blog ini mempunyai beberapa ciri yang perlu dibincangkan. Ciri yang asas yang perlu ada pada seseorang *blogger* ialah e-mel dan tanpa e-mel *blog* tidak akan wujud (Ilanggovan, 2010). Ciri seterusnya ialah hakikat bahawa *blog* merupakan hak milik perseorangan. Para pemilih *blog* boleh memuat naik artikel, gambar, video dan sebagainya mengikut cita rasa mereka. Selain itu, mereka juga boleh menghiasi *blog* mereka mengikut kehendak mereka yang tersendiri (Rettberg, 2008; Ilanggovan, 2010).

2.1.3 Faedah *Blog*

Blog juga turut membawa pelbagai faedah kepada manusia dan bahasa. Poonnavaiykkoo (2010) membincangkan tentang perkembangan bahasa Tamil dalam domain perkomputeran melalui perkembangan komputer khususnya dalam Internet, *blog*, laman sesawang dan sebagainya. Dengan adanya perkembangan Internet, bahasa Tamil telah meraih kejayaan yang besar dalam perkembangan *Unicode Tamil* yang dilaksanakan oleh *Microsoft Office*.

Blog turut membawa pelbagai faedah dalam aspek pendidikan. Michaela.W.Colombo dan rakannya (2007) membuktikan bahawa pelajar memperoleh pelbagai faedah dengan adanya penggunaan *blog* dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi. Sementara itu, Lisa Zawilinski (2009) membuktikan *HOT blogging* yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar sekolah rendah.

Walaupun *blog* mempunyai pelbagai kebaikan, ia turut mempunyai beberapa keburukan. Ilanggovan.M (2010) tidak lupa menyentuh tentang keburukan yang akan dialami sekiranya pemilik *blog* memuat naik gambar ahli keluarga. Disebabkan *blog* boleh dimasuki oleh orang lain, mereka boleh membuat pelbagai aktiviti yang boleh mencemar dan memburukkan nama keluarga tersebut.

2.1.4 Penerokaan *Blog*

Poonnaivaikkoo.M.(2010) telah menerangkan tentang pendidikan Tamil melalui komputer yang telah dilaksanakan oleh Universiti Internet Tamil. Dengan adanya pendidikan ini, pelajar-pelajar dari seluruh dunia boleh menyambung pendidikan Tamil melalui Internet di peringkat Sarjana Muda. Ia telah mendapat pengiktirafan Kerajaan Tamil Nadu, India. Seterusnya, Ponnavaikkoo turut menerangkan penggunaan bahasa Tamil dalam aplikasi telefon bimbit. Akhirnya beliau telah menyusun dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perkomputeran dan pendidikan untuk pemerhatian setiap pembaca.

Lisa Zawilinski (2009) pula membincangkan perkembangan *edublog* yang diperkenalkan oleh seorang guru bernama Stephanie yang membawa kebaikan kepada dunia pendidikan. Pada mulanya, *blog* yang diwujudkan oleh beliau digunakan untuk penggunaan biasa sahaja. Selain memuat naik komen, beliau juga memperkenalkan beberapa *blog* dan cara-cara membuat *blog*. Akhirnya, penulis turut memperkenalkan cara menghasilkan rangka *blog* untuk tahap pendidikan rendah.

Michaela.W.Colombo dan rakannya (2007) telah mendapati bahawa menggunakan *blog* dalam proses pengajaran dan pembelajaran seorang guru yang bernama Cik Daniel. Beliau juga memuat naik nota, projek, ujian dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan sains.

2.2 Kebudayaan

Edward Tylor (1871) mendefinisikan kebudayaan atau peradaban sebagai komponen keseluruhan yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, peraturan, adat resam dan kecekapan serta tabiat yang diperoleh seseorang sebagai anggota masyarakat untuk mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi. Pendapat Edward Tylor telah disokong oleh beberapa orang ahli bahasa Barat. Misalnya, Edward Sapir (David

L.Sills, 1968), Ralph Linton (1936), Kroeber (1948), Leslie A. White (1949), Fr.Xavier S. Thani Nayagam (1980) dan Mounaguru.S, (2005). Pendapat ini berbeza dengan pendapat George J.W.Stocking (1968), Bavanaar (1967) dan A.Thatchinamoorthy (1994) yang mana ketiga-tiga orang ahli bahasa ini mengasingkan kebudayaan dan ketamadunan.

Edward Tylor (1871) telah membahagikan kebudayaan kepada dua bahagian iaitu kebudayaan primitif dan kebudayaan bertamadun. Kebudayaan peringkat awal dikenali sebagai kebudayaan primitif. Ia dibangunkan oleh manusia awal iaitu *savages*. Mereka bergantung hidup pada alam semula jadi. Mereka juga turut mewarisi adat resam dan pengalaman hidup daripada nenek moyang. Kebudayaan bertamadun pula bermaksud peringkat atau tahap kedua dalam proses perkembangan kebudayaan. Perkembangan ini lebih baik daripada perkembangan primitif. Beliau turut berpendapat bahawa budaya dan tamadun adalah sama.

Kedua-dua orang ahli bahasa Tamil Bavanaar (1967) dan Thatchinamoorthy.A., (1994) telah membezakan ketamadunan dan kebudayaan Tamil. Mereka melihat ketamadunan sebagai *puRam* yang berkaitan dengan tempat tinggal, kerja, pakaian, makanan, kesenian dan sebagainya. Sementara itu, kebudayaan adalah berkaitan dengan *aham* yang bermaksud kelakuan seseorang yang berkaitan dengan jiwa seperti menghormati orang tua, memberi barang dengan menggunakan tangan kanan, menghormati tetamu dan sebagainya. Kedua-dua ahli bahasa ini turut membincangkan kebudayaan yang diamalkan pada zaman *sanggam* oleh orang-orang Tamil. Kedua-dua tokoh ini tidak menggunakan teori Bavanaar (1967) dan Thatchinamoorthy, (1994). George J.W.Stocking (1968) pula tidak menyatakan sebarang teori dan makna kebudayaan.

2.2.1 Ciri-ciri kebudayaan

Menurut Tylor, kebudayaan mempunyai tiga ciri yaitu kebudayaan meliputi keseluruhan cara hidup yang kompleks, kebudayaan dari segi ciri asas ketamadunan manusia, dan kebudayaan melibatkan komponen manusia sebagai anggota masyarakat. Ciri-ciri ini dibentuk oleh Edward Tylor.

Ciri pertama yang dinyatakan oleh Edward Tylor (1871) ialah kebudayaan meliputi keseluruhan cara hidup yang kompleks. Konsep 'kompleks' ini dibahagikan kepada tiga kriteria. Kriteria pertama ialah keseluruhan idea yang dinyatakan oleh manusia seperti gagasan, nilai, norma dan peraturan sesebuah kebudayaan. Kriteria kedua ialah aktiviti seseorang dalam masyarakat seperti penglibatan seseorang dalam kegiatan dan penyertaan mereka dalam organisasi dan institusi sosial. Kriteria ketiga ialah penghasilan mereka seperti huruf, simbol, abjad dan pelbagai alatan.

Ciri kedua yang dinyatakan oleh Edward Tylor ialah kebudayaan mengandungi aspek asas ketamadunan manusia. Dalam ciri ini, Tylor memfokuskan kebudayaan dari dua pandangan yang berbeza. Pandangan pertama menjelaskan ciri-ciri yang terdapat dalam kebudayaan seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, peraturan dan adat resam. Pandangan ini menjelaskan bahawa elemen asas ketamadunan dalam kebudayaan ialah tingkah laku manusia seperti berkomunikasi dengan seseorang, menyara hidup dan sebagainya.

Ciri ketiga ialah, kebudayaan melibatkan komponen manusia sebagai anggota masyarakat. Anggota masyarakat bermaksud satu suku kaum, penduduk di sebuah perkampungan, negeri, ataupun bangsa yang tinggal bersama-sama. Tylor membahagikan masyarakat kepada tiga golongan. Antaranya ialah masyarakat *savage*, *barbarian* dan *bertamadun*. Bangsa *savage* adalah manusia terawal yang wujud pada zaman batu yang mana kerja mereka adalah memburu dan memungut hasil hutan.

Bangsa *barbarian* pula muncul pada zaman besi selepas bangsa *savage*. Mereka telah mencucuk tanam dan menternak haiwan untuk menjalankan kehidupan mereka. Kebanyakan mereka adalah penternak dan pekebun, maka mereka memerlukan pelbagai alatan untuk melaksanakan tugas mereka. Oleh itu mereka telah mencipta beberapa alat berasaskan batu dan besi. Masyarakat bertamadun pula dikenali sebagai bangsa moden. Mereka telah maju dalam semua aspek seperti menulis sejarah, moral, undang-undang dan adat istiadat.

Ciri-ciri Haviland seperti yang dibincangkan oleh Suwardi Endraswara (2006) berbeza daripada Edward Tylor. Haviland menyatakan bahawa kebudayaan adalah milik masyarakat, dan ia merupakan sesuatu perbuatan yang dapat difahami dan didukung oleh semua anggota masyarakat. Oleh sebab itu, budaya menjadi hak milik bersama-sama. Keduanya, kebudayaan adalah hasil pembelajaran yang boleh dibawa dari generasi ke generasi melalui pengalaman dan akhirnya ia menjadi peradaban sesuatu masyarakat. Ketiga, kebudayaan adalah berdasarkan pada lambang, iaitu masyarakat menggunakan lambang untuk menandakan segala jenis perilaku. Oleh itu, semua lambang dalam kehidupan manusia dapat dikategorikan berdasarkan budaya. Kehadiran lambang ini mentafsirkan perbezaan dalam penelitian budaya. Akhir sekali, budaya merupakan kesatuan integriti. Kebudayaan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat membawa perpaduan dan masyarakat akan hidup bersatu tanpa pergaduhan, dan ini akan membawa kepada perhubungan yang erat dalam kalangan masyarakat.

Ciri-ciri yang dibincangkan oleh kedua-dua tokoh tadi menunjukkan perbezaan. Tylor telah memberi tiga ciri iaitu kebudayaan meliputi keseluruhan cara hidup yang kompleks, kebudayaan mengandungi aspek asas ketamadunan manusia dan kebudayaan melibatkan komponen manusia sebagai anggota masyarakat. Maka, Tylor menerangkan ciri-ciri tersebut secara mendalam. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa kebudayaan boleh dikenal pasti sebagai keseluruhan cara hidup manusia yang kompleks melalui

dapatan idea, aktiviti dan benda-benda yang dihasilkan. Haviland pula memberi empat ciri yang berbeza iaitu kebudayaan adalah milik masyarakat, kebudayaan adalah hasil belajar, kebudayaan berdasarkan pada lambang dan budaya merupakan kesatuan integriti.

2.2.2 Aspek-Aspek Kebudayaan

Aspek ialah intisari atau intipati yang terdapat dalam sesebuah kebudayaan yang mana kebudayaan yang tersendiri mempunyai beberapa aspek. Aspek-aspek kebudayaan yang diperkenalkan oleh Edward Tylor ialah ilmu, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat-resam, institusi sosial dan ekonomi.

Aspek yang pertama ialah ilmu (*knowledge*). Menurut Tylor (1871), pengetahuan adalah sains yang tepat, tetap dan telah disusun. Ilmu ini boleh dilihat dalam sains tabii dan sains sosial. Sains tabii terdiri daripada bidang matematik, mekanikal, fizik, kimia, biologi dan ilmu alam. Sains sosial pula terdiri daripada bidang sejarah, arkeologi dan antropologi.

Aspek yang kedua ialah agama atau kepercayaan (*belief*) yang dinyatakan oleh Tylor. Beliau menyatakan bahawa agama adalah satu bentuk kepercayaan kepada Tuhan yang teragung. Dalam hal ini, pembalasan selepas mati dan pemujaan di berhala juga dipraktikkan. Upacara pengorbanan juga turut dilakukan dan manusia turut berpegang kepada pelbagai ajaran ataupun adat resam. Beliau turut memberikan beberapa konsep dalam unit agama ini seperti konsep roh manusia; roh lain selain daripada manusia iaitu Tuhan dan dewa-dewi. Mengikut Tylor, agama mempunyai dua unsur iaitu falsafah dan moral. Falsafah mendidik seseorang berfikir untuk diri sendiri dan manusia di sekeliling mereka dan ia turut memberi kuasa dalam mengatasi sesuatu, manakala moral pula berfungsi sebagai sumber kekuatan dan penunjuk jalan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Kesenian (*art*), menurut Tylor pula adalah salah satu aspek kebudayaan yang menandakan kepandaian manusia dalam pelbagai bidang. Beliau telah mengkategorikan kesenian kepada beberapa bidang seperti seni bahasa, muzik, lakonan, ukiran, lukisan, mewarna dan permainan. Beliau turut menyatakan bahawa kesenian tersebut berfungsi menajamkan minda, membangunkan penggunaan lima deria dan tubuh badan serta membentuk persatuan dalam kalangan manusia.

Aspek seterusnya ialah moral (*morals*) iaitu peraturan yang menekankan kepada konsep baik dan buruk, serta benar dan salah dalam setiap tindakan dan kelakuan manusia. Prinsip-prinsip moral ini terdapat dalam setiap agama seperti bertanggungjawab, bersopan, amanah, merendah diri, berdikari, bertolak ansur dan sebagainya. Beliau turut menyatakan bahawa setiap masyarakat mempunyai sikap nilai moral yang berbeza-beza dan ia akan berubah mengikut peredaran zaman.

Aspek kelima yang ditumpukan oleh Tylor ialah undang-undang atau peraturan (*law*) yang menjadi salah satu aspek dalam kebudayaan. Tylor berpendapat bahawa undang-undang adalah satu sistem peraturan yang diikuti oleh sesebuah masyarakat. Sesuatu undang-undang digubal dan dijalankan mengikut kehendak masyarakat pada sesuatu masa. Ia akan diwarisi dari zaman ke zaman dan akan diubah suai mengikut keadaan zaman tersebut. Jenis-jenis undang-undang yang dinyatakan oleh beliau ialah undang-undang balas dendam (*blood-vengeance law*), jenayah (*criminal law*) dan sivil (*civil law*).

Selain itu, adat resam (*custom*) turut menjadi salah satu aspek kebudayaan yang diketengahkan oleh Tylor. Beliau berpendapat bahawa adat resam adalah satu upacara yang diamalkan oleh seseorang dan dikongsi bersama-sama dengan ahli masyarakat yang lain. Ia turut memberi kebaikan kepada semua ahli masyarakat yang terlibat. Adat resam ialah satu kebiasaan masyarakat yang menjadi amalan yang diwarisi oleh satu

generasi ke generasi seterusnya. Contoh adat resam yang dinyatakan oleh Tylor ialah upacara keagamaan seperti berdoa, upacara korban, berpuasa, pemujaan dan penyucian. Selain itu, upacara perkahwinan turut dikategorikan dalam aspek ini.

Seterusnya Tylor menyebut tentang institusi sosial (*sosial institution*) yang juga menjadi salah satu aspek kebudayaan. Menurut Tylor, institusi bermaksud suatu kumpulan manusia yang terdiri daripada kumpulan tertentu yang bertanggungjawab terhadap proses pembentukan masyarakat. Masyarakat ini terdiri daripada ahli keluarga atau isi rumah yang mempunyai pertalian darah. Ia dikawal oleh undang-undang perkahwinan dan pertanggungjawaban ibu bapa dan anak-anak. Kewujudan institusi ini dipengaruhi oleh perkahwinan dan keluarga.

Akhirnya, ialah ekonomi (*economy*) yang turut menjadi salah satu aspek kebudayaan. Beliau menyatakan bahawa ekonomi adalah suatu yang menyara hidup sesebuah masyarakat yang selesa di dunia ini. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sara hidup yang dinyatakan oleh Tylor ialah kegiatan mencari makanan, menghasilkan peralatan, membina tempat tinggal, menenun kain, mewujudkan api, memasak, menjalankan sistem *barter*, berniaga dan berdagang seperti yang dijalankan oleh masyarakat di seluruh dunia. Kaedah ini telah digunakan dalam usaha pemilihan perkataan-perkataan yang berunsurkan kebudayaan Tamil.

Idea beliau ini berbeza dengan Bavanaar (2000). Bavanaar telah membezakan kebudayaan dan ketamadunan yang mana aspek-aspek kebudayaan dan ketamadunan diasingkan. Aspek-aspek kebudayaan yang dinyatakan oleh beliau ialah bertutur dengan sopan, bersederhana, menghormati dan melayani tetamu, membantu mengikut keupayaan, dan lebih baik meninggal dunia jika polisi kehidupan dan maruah tercemar. Aspek-aspek ketamadunan ialah bertutur dengan menggunakan tatabahasa yang betul, hidup secara berpindah-randah memperoleh penginapan yang selesa, memasak makanan

dengan bersih dan baik, tidak menganiayai orang lain, serta menjaga aspek pakaian dan makanan.

2.2.3 Penerokaan Kebudayaan

Pengasas kepada penulisan tentang konsep kebudayaan ialah Edward Taylor (1871). Dalam kajiannya beliau telah menjelaskan aspek-aspek kebudayaan secara mendalam seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, peraturan, adat resam dan kecekapan serta tabiat yang diperoleh seseorang sebagai anggota masyarakat untuk mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi. Beliau turut memberi penjelasan yang jitu mengenai kebudayaan.

Ahli bahasa Tamil Bavanaar (1967) telah mengkaji kebudayaan yang diamalkan oleh Tamil kuno. Perbincangan mereka berbeza dari segi aspek-aspek kebudayaan. Bavanaar (1967) meneliti setiap aspek seperti bahasa, kebersihan, makanan, pakaian, hiasan, penginapan, kenderaan dan pengangkutan, gaya hidup, agama, pekerjaan, perniagaan, kerajaan, pendidikan, kesenian dan sains. Beliau turut menerangkan kebudayaan yang diamalkan oleh pemerintah, peniaga, pesawah dan pencuri. Walaupun kebudayaan yang diamalkan oleh wanita turut dibincangkan, namun beliau tidak memperkenalkan apa-apa teori untuk aspek kebudayaan ini.

Walaupun tajuk pengajian Bavanaar dan Thatcinaamurthi adalah sama tetapi intipatinya berbeza. Thatcinaamurthi (1994) membincangkan kebudayaan Tamil yang diamalkan oleh masyarakat zaman *Sanggam* dan menerangkan beberapa aspek sahaja. Aspek-aspek yang menjadi tumpuan ialah kerajaan, kaedah perang, pembahagian kerja-kerja mengikut organisasi sosial, agama, perkahwinan, perayaan dan sebagainya pada zaman *sanggam*. Beliau turut membincangkan beberapa kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Tamil. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan apa-apa teori dan menerangkan makna perkataan kebudayaan Tamil.

Maounaguru.S. (2005) menerangkan sejarah perkembangan Tamil di India dan Sri Lanka. Beliau mengecam kerajaan lama seperti *se:ra so:zha pa:ndian*, *pallavar*, dan *nayakkar*. Para pemerintah ini telah melantik golongan pendita dan arkitek untuk merakamkan keagungan mereka dalam puisi dan batu bersurat. Namun, para pemerintah ini telah melupakan kehidupan rakyat. Mengikut Maounaguru, kebudayaan masyarakat dahulu kala perlu diukir dalam puisi dan batu bersurat. Beliau menyatakan bahawa dunia Tamil hanya mempunyai sejarah dan kebudayaan pemerintah tetapi kebudayaan masyarakatnya berkurangan. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa terdapat beberapa kebudayaan Tamil sahaja yang direkodkan dalam sejarah seperti bahasa, sastera, kesenian, kehidupan dan agama. Selain itu, beliau turut membincangkan isu kebudayaan yang tidak dinyatakan, dan isu ketuanan masyarakat yang dipinggirkan oleh pemerintah, hamba abdi, kasta dan sebagainya. Walaupun perbincangan beliau menarik, jelas bahawa beliau tidak mempunyai teori yang dipraktikkan. Kajian beliau sekadar mencakupi aspek kebudayaan dan sejarah sahaja.

Abdul Rahman Hj Abdullah (2006) mengkaji tentang zaman pra sejarah dari perspektif sains dan agama Islam. Selain itu, beliau turut mengutarakan isu pengaruh India di Asia Tenggara dari segi politik, kepercayaan, kebudayaan, sosial dan ekonomi. Pengaruh ini diikuti pula dengan pengaruh Islam di Asia Tenggara dengan melihat pada semua aspek tadi dan seterusnya membincangkan perubahan budaya yang berlaku pada zaman penjajahan di Asia Tenggara.

Suwardi Endraswara (2006) mengutarakan satu masalah dalam mengenal pasti konsep-konsep dan ciri-ciri budaya sesuatu masyarakat. Selain itu, beliau turut membincangkan logik dan kebenaran yang terserlah dalam sesuatu budaya. Beliau tidak lupa untuk mengutarakan teori yang berkaitan dengan kebudayaan iaitu Teori Strukturalisme Levi-Strauss. Teori ini menyentuh aspek sains dan kemanusiaan. Beliau meneroka aspek agama dan budaya memberi makna yang terkandung dalam agama kebudayaan.

Akhirnya beliau membuat penjelasan tentang aspek kebudayaan politik, kebudayaan psikologi dan kebijakan kebudayaan.

Abdullah Hassan (2001) dalam artikel bertajuk unsur budaya dalam bahasa untuk komunikasi berkesan telah mengutarakan pendapat bahawa kita perlu menjaga budaya semasa pertuturan kita dan kesilapan yang dibuat semasa pertuturan harian. Beliau telah memberi beberapa contoh yang relevan. Dalam artikel ini, sebuah peristiwa penggunaan intim kepada bukan orang yang intim telah diperhatikan oleh penulis.

Contohnya,

*Gadis "Berapa sekilo bang?" sambil memilih ikan keli.
Peraih Indon "Tak mahal dik, saya boleh kira murah saja."
Gadis "Kasi tahulah berapa, senang saya nak beli."
Periah Indon "Hai Cik adik cepat marah...janganlah marah dik..."
Gadis sambil tersenyum-senyum tak tentu fasal "Jangan gatallah..."
Periah Indon "Tak pa, kan adik ada. Tentu boleh garu..."*

(Abdullah Hassan 2001:6)

Daripada analisis beliau, perangai peraih Indon memang menggal tetapi di sini panggilan gadis itu menyebabkan kewujudan situasi tersebut. Maka, beliau memberi penekanan bahawa kita perlu menjaga kebudayaan bahasa kita. Beliau turut memberi contoh yang kukuh dan menganalisis setiap budaya bahasa yang terdapat dalam panggilan.

Abdul Rahman Hj Abdullah (2006) mengkaji zaman pra sejarah dari perspektif sains dan agama Islam. Selain itu, beliau turut mengutarakan pengaruh India di Asia Tenggara dari segi politik, kepercayaan, kebudayaan, sosial dan ekonomi. Diikuti pula, pengaruh Islam di Asia Tenggara dari segi semua aspek tadi. Akhirnya membincangkan perubahan budaya setelah penjajah menjelajah Asia Tenggara ini.

Metodologi Penelitian Kebudayaan yang dikarang oleh Suwardi Endraswara (2006) mengutarakan masalah dalam mengenal pasti konsep-konsep, ciri-ciri budaya sesuatu masyarakat. Selain itu, beliau turut membincangkan logik dan kebenaran yang terserlah dalam sesuatu budaya. Selain itu, beliau turut mengutarakan teori yang berkaitan

dengan kebudayaan iaitu strukturalisme Levi-Strauss. Teori ini berkaitan dengan sains dan kemanusiaan. Seterusnya, beliau menelitikan agama dan budaya. Beliau telah memberi makna yang terkandung dalam agama kebudayaan. Akhirnya, beliau membuat penjelasan dari segi kebudayaan politik, kebudayaan psikologi, dan kebijakan kebudayaan.

Akhirnya, Peter Newmark pula mendefinisikan budaya sebagai cara hidup dan pelbagai manifestasinya yang identiti dengan suatu komuniti yang menggunakan bahasa tertentu sebagai alat untuk perhubungan. Beliau telah mengkategorikan istilah budaya tersebut seperti berikut. i) ekologi: flora, fauna, bukit dan lingkungan alam yang lainnya, ii) budaya material: makanan, pakaian, rumah dan kota, pengangkutan, iii) sosial budaya: pekerjaan dan kesenangan, iv) organisasi sosial, tradisi, aktiviti, konsep misalnya istilah dalam bidang politik, keagamaan dan kesenian, v) gestur dan kebiasaan. Kesimpulannya, kebudayaan tingkah laku manusia yang diamalkan sepanjang kehidupan mereka, dan ia membawa kebaikan kepada semua orang. Oleh itu, semua perkataan yang digunakan dalam kebudayaan ialah disimpulkan sebagai kata budaya.

2.3 Semantik

2.3.1 Sejarah Semantik

Tokoh pertama yang membincangkan aspek semantik ialah Aristotle. Beliau ialah seorang pemikir Yunani yang muncul pada tahun 384 – 322 SM. Aristotle ialah pemikir yang pertama menggunakan perkataan ‘makna’. Menurut Aristotle makna ialah ‘satuan terkecil yang mengandungi makna’. Beliau turut menyatakan bahawa makna dapat dibezakan daripada makna yang wujud dari perkataan itu sendiri secara autonomi dan perubahan tatabahasa (Aminuddin, 1988). Tokoh seterusnya yang membincangkan tentang makna ialah Plato yang hidup pada tahun 429-347 SM. Beliau menyatakan

bahawa bunyi-bunyi bahasa mengandung maksud tertentu secara tersirat. Pada ketika itu, etimologi, pengajian makna dan pengajian makna perkataan tidak begitu jelas.

Seterusnya, kumpulan Stoic memainkan peranan dalam bidang ini pada tahun 350-260 SM. Kumpulan ini telah memberikan sumbangan kepada semantik dengan memberikan tiga ciri semantik iaitu pernyataan bahasa, permaknaan dan definisi lambang (Hashim Haji Musa, 1998). Ketiga-tiga ciri tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain.

Pada tahun 1825, Reisig telah memperkenalkan tatabahasa baharu dalam semantik. Beliau memperkenalkan *semasiologi*, *sintaksis*, dan *etimologi*. Menurut Reisig, *semasiologi* ialah kajian tentang tanda; *sintaksis* ialah kajian tentang ayat; dan *etimologi* ialah kajian tentang asal-usul makna dan perubahan makna. Pada zaman ini, perkataan semantik tidak digunakan malah kajian tentang makna sudah pun dilaksanakan (Aminuddin, 1988).

Pada zaman Breal (1883), pertumbuhan semantik kedua telah bermula. Michel Breal ialah seorang ahli bahasa Perancis. Beliau telah menyatakan dalam artikel beliau bertajuk *Les Lois Intellectuelles du Langage* bahawa semantik adalah bidang baharu dalam bidang keilmuan dan sejarah murni. Aminuddin telah menyatakan bahawa pada zaman Breal kajian semantik dikaitkan dengan unsur-unsur luar bahasa seperti bentuk perubahan makna, latar belakang perubahan makna, hubungan perubahan makna dengan kelogikan, psikologi dan lain-lain lagi (ibid).

Selain itu, Ogden dan Richards telah memperkenalkan segi tiga semiotik dalam buku yang berjudul *The Meaning of Meaning* pada tahun 1923. Menerusi kaedah ini, maksud dicerakinkan kepada tiga bahagian, iaitu lambang, fikiran, dan benda. Ketiga-tiga komponen ini berfungsi antara satu sama lain secara langsung dan tidak langsung.

Walau bagaimanapun, idea mereka telah dibantah oleh Stephen Ullman. Pada tahun 1957, beliau telah mengarang sebuah buku yang bertajuk *Semantics*. Dalam buku ini,

beliau menyatakan bahawa teori Ogden dan Richards tidak lengkap. Ullman telah menganalisa semantik daripada konsep lain, iaitu maksud, nama dan benda. Nama, menurut beliau, ialah bentuk fonetik sesuatu perkataan; maksud ialah sesuatu maklumat yang ada pada perkataan manakala benda mengambil konsep yang sama mengikut kaedah Ogden dan Richards. Oleh itu, jika seseorang berfikir tentang nama, maka mereka akan berfikir juga tentang benda dan sebaliknya. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa hubungan yang saling berkaitan antara nama dan maksud ialah apa-apa yang dikatakan makna (ibid).

Sementara itu, selepas tahun 1930, perkembangan semantik mula beralih kepada bahasa Inggeris. Peralihan ini dibuktikan dengan penampilan dua tokoh ahli bahasa yang bernama Swedia dan Gustaf Stem. Tajuk buku yang dikarang oleh Gustaf Stem ialah *Meaning and Change of Meaning, with Special Reference to the English Language* (1933).

Sebelum mereka muncul, seorang pengajar bahasa berperanan menentukan perkembangan linguistik di Geneva. Beliau telah menghasilkan sebuah bahan pengajaran kuliah yang bertajuk *Cours de Generale* yang mana ia membantu dalam dunia perkembangan bidang linguistik pada tahun 1916. Beliau ialah seorang ahli bahasa bernama *Ferdinand de Saussure* yang telah menyumbang pelbagai idea kepada bidang ini (Aminuddin, 1988). Saussure telah memperkenalkan dua konsep dalam bidang teori dan penerapan kajian kebahasaan iaitu pengajaran yang menggunakan kaedah sinkronis atau diskriptif, serta pelbagai elemen yang digunakan untuk tujuan pembangunan keseluruhannya (Parera, Jos dan Danial, 1991).

Idea Saussure telah diaplikasikan dalam bidang semantik oleh seorang sarjana Jerman iaitu Trier pada tahun 1931. Beliau telah memperkenalkan *Teori Medan Makna*. Beliau menyatakan bahawa setiap istilah mempunyai medan maknanya tersendiri. Teori medan

makna ini memperkenalkan terma ‘makna inti’ dan ‘makna sampingan’, yang mana makna sampingan bertindan dengan makna istilah lain (Abdullah Hassan, 2007). Dengan ini wujudlah perkembangan semantik dalam bidang ilmu yang mengandungi perubahan makna, kajian deskriptif dan struktur perkataan.

Bloomfield (1933) mendefinisikan ‘semantik’ yang terdiri daripada dua komponen iaitu mengertikan dan diertikan. ‘Mengertikan’ ialah semantik yang wujud dalam bentuk dan bunyi bahasa manakala ‘diertikan’ ialah makna daripada komponen pertama itu. Dengan ini, beliau berpendapat bahawa semantik tidak berfungsi tanpa konteks. Menurut Ullman (1962), makna kata dapat dibezakan antara maksud-maksud yang hadir pada sesuatu perkataan itu sendiri. Dengan ini, maksud yang diperoleh oleh sesuatu perkataan akan mewujudkan hubungan gramatikal. Chomsky (1965) pula berpendapat semua perkataan mempunyai makna. Penambahan fonem pada frasa akan mewujudkan tambahan makna, struktur gramatikal ataupun tatabahasa dan juga sistem bunyi yang tertentu. Abdullah Hassan (2007) pula melihat makna dari segi denotasi dan konotasi.

2.3.2 Jenis-jenis makna

Jenis-jenis makna boleh dibahagikan kepada dua iaitu denotasi dan konotasi. Di sini pengkaji hanya membincangkan tentang makna denotasi sahaja.

2.3.2.1 Denotasi

Semantik mempunyai dua jenis makna, iaitu makna denotasi dan makna konotasi (Abdullah Hassan, 2007). Makna denotasi ialah makna inti, yang mana makna sesuatu istilah mungkin luas, mungkin berubah, tetapi mempunyai komponen yang tetap. Misalnya **kaki**. **Kaki** bermaksud ‘anggota badan manusia atau binatang, yang digunakan untuk pergerakan’. Maksud ini diambil daripada sebuah kamus. Perluasan makna akan berlaku jika perkataan tersebut ditambah dengan perkataan lain seperti **kaki**

bukit, kaki langit dan sebagainya. **Kaki bukit** bermaksud bahagian permulaan bukit dan ini merupakan perluasan dalam komponen maksud denotasi.

Pateda menjelaskan bahawa makna denotasi adalah makna sesuatu perkataan atau frasa yang mempunyai hubungan yang berterus terang. Makna sebenar yang bersifat objektif. Seterusnya, Chear (2007) menyatakan denotasi memberikan makna asli, makna asal, atau makna sebenarnya yang dimiliki oleh sebuah perkataan. Contohnya, kata *kurus* mempunyai makna denotasi 'keadaan tubuh seseorang yang lebih kecil dari ukuran yang normal'. Menurut Tarigan (1995), denotasi ialah suatu kata makna yang bersifat umum, tradisional, dan terutama makna denotasi telah digunakan turun temurun yang memang ianya terdapat di dalam kamus. Parera (2004) pula menyatakan bahawa denotasi memberikan makna yang wajar, yang asli, yang muncul pertama dan diketahui pada awalnya. Barthes pula berpendapat bahawa denotasi ialah lebih kepada makna literasi dari sesuatu tanda tanpa melihat konteks yang meliputinya. Kesimpulannya, makna denotasi ialah makna asal yang digunakan sejak turun temurun. Ia juga tidak mempunyai makna tambahan.

Bidang denotasi menjadi satu landasan yang menjadi bidang skop kajian dan pengkaji menjalankan kajian berkaitan dengan bidang denotasi. Faninda Meilisa Putri telah mengkaji makna yang terdapat dalam *Emoticon*. *Emoticon* bermaksud suatu ikon yang digunakan dalam komunikasi tertulis dalam bidang media. Beliau telah menggunakan forum Remaja Putri Jerman www.Mädchen.de untuk mengkaji makna denotasi dan konotasi *emoticon*. Beliau telah menggunakan teori yang dikembangkan oleh Roland Barthes (1993) berserta dengan teori warna yang diperkenalkan oleh Seeman mengenai simbol-simbol dan warna. Pengkaji telah menggunakan lima bentuk *emoticon* seperti *emoticon* tersenyum, *emoticon* sedih, *emoticon* tersenyum lebar, *emoticon* jeling dan *emoticon* marah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *emoticon* senyum berwarna kuning yang mempunyai bibir melengkung ke atas menunjukkan perasaan hati orang

tersenyum iaitu bahagia. Maksud konotasinya ialah melambangkan kesenangan seseorang akan sesuatu di samping member salam semasa memulakan forum. Jadi kelima-lima *emoticon* membawa pelbagai makna denotasi dan konotasi.

Maryanti E. Mokoagouw (2010) juga menjalankan kajian tentang *Pemaknaan Perempuan Di Dalam Wacana Mob Papua: Kajian semiotik*. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kedudukan perempuan dalam *mob* dari segi denotasi dan konotasi iaitu kata-kata yang dipergunakan di dalam *mob* untuk merujuk kepada perempuan dan aktiviti. *Mob* merupakan lawak jenaka masyarakat Papua yang berunsur sindiran serta mentertawakan pelbagai kejadian dari segi sosial, politik dan keagamaan. Teori yang digunakan ialah teori semiotika Barthes (1993). Dalam kajian ini, sistem primer (denotasi) telah dikategorikan dalam R1 antara E1 dan C1. R bermaksud relasi; E bermaksud eksperasi; C adalah isi. Dalam 12 data terdapat 20 'tokoh' iaitu *mama, bidan, cewe, maitua, nene* sebanyak 6 kali, *ibu-ibu PKK, ibu penyuluh, ibu guru SD, ibu guru, mace-mace, mace Amungme, mace Akut, anak perem 2* dan *Margaretha*. Kesemua perkataan ini dapat dikategorikan dalam [C]. Dalam kajian ini denotasi ditentukan dari segi usia, kedudukan dalam keluarga, pekerjaan, etnik, nama diri dan makna konteks. Dapatan kajian menunjukkan pemaknaan perempuan dalam *mob* bertentangan dengan lelaki dan ia diterima dalam amalan mereka. Secara denotasinya perempuan dalam *mob* dimaknai berasaskan konsep seks. Seterusnya, sekunder 1 iaitu metabahasa menghasilkan sinonim dengan cara penentuan konotasi. Makna yang dihasilkan ialah makna tersirat. Dapatan juga menunjukkan bahawa makna sekunder 2 iaitu konotasi menambahkan makna denotasi.

2.4 Sorotan Literatur dan Kajian Berkaitan Bidang Semantik

Semantics yang ditulis oleh Palmer.F.R.(1989) menjelaskan tentang istilah semantik dan makna; semantik yang berkaitan dengan linguistik; sejarah perkembangan semantik, serta disiplin-disiplin semantik yang perlu diikuti oleh seseorang. Selain itu, beliau menerangkan lebih jelas tentang makna semantik leksikal; hubungan erti yang terkandung dalam sesuatu perkataan dari segi hiponim, sinonim, antonim, perkataan-perkataan bertentangan yang mempunyai perhubungan antara satu sama lain. Beliau juga menerangkan lebih lanjut tentang tatabahasa semantik dan mengkategorikan jenis tatabahasa untuk pembaca. Selain itu, beliau turut memberi penekanan terhadap makna ujaran yang tidak ada kaitan secara langsung dengan struktur tatabahasa sesuatu ayat. Beliau juga turut mengaitkan semantik dengan kelogikan. Dengan kata lain, beliau memberi penerangan tentang konsep logik dan kegunaannya terhadap beberapa masalah linguistik.

Kempson (1991) memberi penjelasan tentang konsep bentuk logik, syarat kebenaran, jadual kebenaran, kebenaran analitis, penaabiran dan perandaian. Beliau juga menghuraikan tentang teori linguistik seperti Teori Kebenaran Tarski, Teori Perlakuan Pertuturan, Teori Tranformasi dan Logik Praandaian. Selain itu, beliau mengemukakan hujah satu per satu dan membuat kesimpulan yang relevan, selain berpendapat bahawa semantik elok dipelajari melalui analisis berasaskan kebenaran dengan mengeluarkan semua konsep yang berkait rapat dengan suasana pertuturan seperti perlakuan pertuturan, tujuan pengucapan, makna ujaran dan lain-lain lagi.

Ton Ibrahim (1987) pula membincangkan kata kerja gerak dalam dialek Kedah. Beliau memfokuskan aspek ciri dan komponen makna kata kerja gerak. Dengan menggunakan Teori Analisis Komponen Makna untuk menganalisa kata kerja gerak dialek Kedah, beliau telah menghuraikan maksud perkataan dan ungkapan bahasa, khususnya dalam

semantik dialek Kedah. Selain itu, beliau turut memperlihatkan sejauh mana kata kerja gerak digunakan dalam dialek Kedah.

Dengan menggunakan teori yang sama, Aishah Mahdi (1991) menjelaskan proses-proses pemindahan makna yang berlaku dari kata pinjaman bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif untuk mengawasi proses peminjaman. Dalam kajian ini, beliau telah meneliti proses-proses pemindahan makna yang berlaku dalam peminjaman tersebut, sama ada makna itu dikekalkan atau perlu dibuat perubahan, serta membincangkan proses pembatasan makna. Kajian ini telah dihadkan kepada makna semantik kata pinjaman bahasa Inggeris sahaja.

Wan Zahari Wan Ali (1991) mengupas cara pemilihan dan penggunaan leksikal dalam karya J.M.Aziz. Pengkaji telah menggunakan Teori Medan Makna untuk menganalisa semantik daripada data yang dikumpulkan. Dapatan kajian menjelaskan bahawa J.M.Aziz menggunakan leksikal dan semantik yang menawan hati pembaca. Pengkaji telah mengelaskannya kepada penggunaan leksikal dan semantik yang terdapat dalam sajak-sajak J.M.Aziz.

Seterusnya, Tan Joo Seng (1994) membincangkan pola semantik global wacana berita sukan di dalam surat khabar Bahasa Melayu. Beliau menjurus kepada bentuk dan fungsi semantik dalam setiap elemen. Selain itu, beliau turut mengkaji bagaimana pola semantik global dalam wacana berita memilih polanya. Beliau turut membezakan pola struktur yang digunakan dalam berita sukan. Penulis telah menggunakan teori makrostruktur semantik Van Dijk dengan menggunakan beberapa perubahan yang dilakukan oleh Halliday. Kajian beliau mengutamakan tiga perkara, iaitu konsep dan takrifan makro struktur dalam semantik, matlamat asas serta huraian struktur semantik secara global.

Nor Hashimah Jalaluddin (1994) membicarakan bahasa jual beli dalam dialek Kelantan dalam perniagaan harian runcit iaitu semasa tawar-menawar dalam pembelian kain.

Beliau telah menggunakan data implikatur dan ganti nama sebagai alat analisis kajian ini. Beliau menggunakan rangka kerja semantik dan pragmatik untuk menganalisa dua data tersebut. Penulis telah menggunakan Teori *Full System* yang berkaitan dengan budaya serta pembahagian yang tulus antara semantik dan pragmatik dalam memberikan makna yang memfokus kepada pentafsiran makna.

Mohd Alwee Yusoff (1994) telah mengkaji sejauh mana bahasa Arab mempengaruhi bahasa Melayu. Kajian beliau adalah berdasarkan pendekatan morfologi dan semantik dalam bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu. Beliau turut membicarakan tentang perkataan Arab yang digunakan dalam lisan dan tulisan bahasa Melayu. Seterusnya, beliau turut memberi cadangan bahawa ahli bahasa perlu menyediakan satu perkamusan Melayu yang teratur dan lengkap, yang merangkumi huruf-huruf Arab mengikut ertinya supaya ia boleh menjadi bahan rujukan utama pengkaji-pengkaji lain. Seterusnya, beliau turut menekankan penyelarasan ejaan Jawi-Melayu dan ejaan Rumi-Melayu.

Seterusnya, Zaid Mohd Zin (2007) telah mengarang satu kertas persidangan yang bertajuk 'Kajian Semantik Berteraskan Tesaurus Bahasa Jepun : Pengkodan Kosa Kata Bahasa Melayu – Satu Percubaan'. Beliau melakukan kajian perbandingan kosa kata antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun berdasarkan semantik. Dalam kajian ini, satu proses pengkodan telah dijalankan terhadap perkataan-perkataan dalam kosa kata. Ia dikaji mengikut sistem piawai dan keseragaman dalam perbandingan kosa kata.

Selain itu, jurnal bertajuk *Pameran Serta Semantik Dalam Bahasa Melayu Serdang* (Tengku Thyrahaya, 2005) membincangkan semantik yang berfungsi sebagai kajian makna dalam linguistik dan ayat dalam Bahasa Melayu Serdang. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengumpul data. Beliau telah menggunakan lisan dan penulisan sebagai sumber pengumpulan data, selain menggunakan Teori Semantik Komposisional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemeran dan semantik digunakan

secara meluas dalam bahasa Melayu Serdang. Beliau telah memberikan beberapa cadangan seperti para pengkaji boleh membuat perbandingan dengan dialek lain; dan boleh pula memfokus kepada semantik leksikal, makna dan konteks.

Seterusnya, Sakina Sahuri binti Suffian Sahuri (2000) membicarakan kajian metafora berdasarkan kaedah-kaedah semantik. Beliau telah memberi perhatian kepada aspek metafora dalam cerpen Melayu untuk menjelaskan bahawa medan metafora Melayu adalah tetap. Ia terdiri daripada komponen alam dan manusia. Beliau telah mengahwinkan Analisis Fitur Semantik, Analisa Medan Semantik dan Meronim untuk mendapatkan data beliau. Dapatan beliau menunjukkan bahawa medan sumber metafora terdiri daripada manusia dan alam. Ia juga tidak mudah dipisahkan daripada kebudayaan penutur.

Selain itu, Joanna Lwi (2004) membicarakan penggunaan metafora dalam bahasa iklan perniagaan yang menjual barang elektrik serta elektronik. Tesis ini menjurus kepada penggunaan personifikasi dalam penggunaan bahasa iklan dalam surat khabar harian *The Star*. Beliau telah menggunakan kaedah analisis wacana bertulis yang berlandaskan teori Bloomfield (1992). Dapatan beliau menunjukkan bahawa manusia mempunyai kebolehan untuk menginterpretasikan metafora secara seragam.

Sementara itu, Inderawati Zahid (1999) memberi penekankan kepada aspek leksikal yang digunakan di dalam komputer terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1995. Beliau telah menggunakan analisis komponen makna untuk menganalisa data yang dikumpulkan. Beliau telah mengkaji fitur-fitur makna yang dimiliki oleh sesuatu perkataan. Fitur-fitur yang dikaji itu menunjukkan bahawa makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan adalah mengikut pola semantik.

Sementara itu, Jonathan Berg (2003) membincangkan semantik ayat. Jonathan mengkaji apakah perbezaan antara semantik yang sebenar dengan semantik kurang tepat dalam

ayat. Dapatan beliau menunjukkan bahawa sesuatu ayat perlu mempunyai semantik yang sebenar mengikut konteks. Daripada kajian ini, beliau mendapati bahawa masalah sebenar terletak kepada penghasilan sesuatu secara serentak. Ia perlu merujuk kepada teori tentang perkataan; bebas daripada sebarang konteks tertentu dan juga teori tentang apa-apa yang dapat disampaikan dalam konteks tertentu.

Seterusnya, S.Nathesan (2003) membicarakan tentang semantik leksikal bahasa Melayu. Dalam kajian ini beliau telah membincangkan perkembangan ilmu semantik yang dilaksanakan oleh ahli bahasa. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan Teori Analisis Komponen Makna untuk menganalisa data-data yang dikumpul. Beliau telah menggariskan beberapa teori yang boleh digunakan dalam semantik leksikal bahasa Melayu, seperti Teori Semantik Leksikal, Teori Medan Makna, dan Analisis Komponen Makna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada tahun 1970-an dan 1980-an, penulisan tentang semantik adalah amat kurang. Kajian semantik ini dilakukan oleh mahasiswa-mahasiswa UKM dan UM. Namun begitu, satu kajian sahaja didapati dilaksanakan dalam laras saintifik dalam bahasa Melayu.

Zaiton Ismail dan rakannya (2005) membincangkan kata majmuk yang terdapat dalam perkamusan. Para pengkaji telah mengkaji kata majmuk dari segi semantik dan pragmatik. Fokus mereka adalah kepada perbezaan pencirian dan penghuraian makna kata majmuk dari segi semantik serta pragmatik. Perbincangan ini merintis jalan kepada pengenalanpastian ciri-ciri kata majmuk yang tepat dan membantu menetapkan penentuan kedudukan kata majmuk dalam perkamusan.

Sementara itu, *Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu* (Goh Sang Seong, 2012) mengkaji tentang kata,frasa,klausa, dan ayat yang mengandungi unsur tabiat yang dikutip secara manual daripada teks sumber *Shui Hu Zhuan*. Pengkaji telah menggunakan Analisis Komponen Makna untuk menganalisa kata, frasa, klausa

dan ayat semasa penterjemahan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan sampel budaya tabiat dalam bahasa Cina tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, Gennaro Chierchia (2009) menerangkan semantik kata nama am. Dalam jurnal ini, penulis telah menerokai pandangan yang berbeza terhadap kata nama cecair (air, angin), pes (doh, tanah liat), mineral (emas), dan pelbagai bahan (kayu, tembaga, pasir). Pandangan-pandangan tersebut begitu samar kepada pengkaji, terutamanya dalam hal kata nama am. Oleh itu beberapa kajian dilakukan oleh penulis ke atas kata nama am khasnya cecair (air, angin), pes (doh, tanah liat), mineral (emas), dan pelbagai bahan (kayu, tembaga, pasir). Dapatan menunjukkan bahawa kata nama am sama seperti kata bilangan, dan ini merupakan sebahagian daripada *Universal Grammar*.

Kajian seterusnya ialah Analisis Komponen Makna Dalam Bahasa Jerman (Sjuul Juliana Lendo, 2007). Dalam jurnal ini, penulis menjelaskan hakikat teori Analisis Komponen Makna, yang mana ia adalah satu sistem yang menyampaikan kandungan atau komposisi makna kata yang berhubungan dan dapat diperbandingkan. Pada masa yang sama, ia juga mempunyai kelemahan. Dalam kajian tersebut, beliau menjelaskan bahawa teori ini tidak boleh berdiri sendiri tanpa teori semantik yang lain. Untuk membuktikan hal ini, beliau telah menggunakan perkataan Jerman sahaja iaitu *gehen*, *reiten*, *fahren*, *kriechen*, *schwimmen*, *fleigen* yang dapat menghuraikan ciri-ciri paling khusus.

Selain itu, Maniyarasan (2007) telah membincangkan kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia dalam cerpen *Peravaik kataikal* (1986-2004). Dalam tesis ini beliau mengkaji aspek semantik kata pinjaman bahasa Melayu dari bahasa Tamil. Beliau telah menggunakan 96 patah perkataan dengan menggunakan teori analisis makna yang diperkenalkan oleh Nida. Dengan menggunakan kaedah Nida,

beliau telah memfokus kepada pengekalan makna kuantitatif dan pengekalan makna kualitatif. Beliau telah mengasingkan 96 patah perkataan tersebut mengikut kedua-dua bahagian berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata pinjaman bahasa Melayu tersebut tidak mengalami sebarang perubahan makna. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkataan seperti ‘negeri buang’, ‘bukku kedatangan’, ‘ru:ma mo:ra’, ‘ru:ma panja:an’, ‘ta:na haram’, ‘muka haram’ dan sebagainya mempunyai perluasan makna dan penyempitan makna.

Seterusnya, Ton Ibrahim (1998) membincangkan sekumpulan data dan ungkapan yang sering digunakan oleh kaum Melayu untuk menyatakan perasaan. Ungkapan yang dikaji adalah seperti *sedih, takut, sayang, benci, gembira, rindu, malu, bimbang, marah, cemas, risau, bingung, cemburu* dan lain-lain lagi. Perkataan-perkataan tadi dikaji mengikut dimensi semantik. Kajian ini melibatkan dua bahagian iaitu aspek struktur dan aspek semantik. Aspek struktur dikaji dari segi sistem bunyi dan fonologi manakala aspek semantik dikaji dari segi makna yang dihubungkan dengan benda, peristiwa, proses dan kualiti. Beliau telah menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Nida. Kajian beliau merangkumi tujuh komponen seperti komponen peristiwa (permukaan, udara, air); komponen sumber tenaga (bertanya, tarikan bumi); komponen yang melibatkan penggunaan anggota sebagai dorongan (kaki, tangan); komponen berkaitan dengan kontak dan satu permukaan (lari, berjalan, lompat); komponen yang berkaitan dengan jenis kontak dengan permukaan; komponen yang berkaitan dengan konteks yang berulang antara anggota dan permukaan; akhirnya komponen yang berkaitan dengan orientasi arah.

Selain itu, jurnal bertajuk *De-Phrase Extractability And Individual/Property Denotation* (1999) telah menjurus kepada pengkajian frasa *de*. Penulis telah menggunakan Teori *Nominal Denotation Hypothesis (NDH)* untuk menganalisa dua pendekatan yang berbeza iaitu Teori Tatabahasa dan Teori *Head Driven Phrase*

Structure Grammar dalam penggunaan *de*. Beberapa pengecualian bermasalah untuk hierarki tema boleh menyumbang secara langsung kepada *NDH* tetapi satu lagi aspek ialah mengkaji kelakuan *de*-frasa mengenai perkara-perkara umum, pengedaran, aspek, perintah linear, khusus / spesifikasi dan potensi/ kekurangan potensi untuk mempamerkan keaburan *scopal*. Didapati *NDH* tetap serasi dengan aspek-aspek asas sahaja.

Seterusnya, Siegel (2002) membincangkan makna semantik yang terkandung dalam perkataan *Like* dalam perbualan harian remaja perempuan di sekolah (Siegel 2002). Penulis telah menggunakan *Discourse Representation Theory (DRT)*. Setelah beberapa temuduga, beliau telah memperoleh jawapan untuk kajian ini. *Like* digunakan sebagai satu fungsi persetujuan dalam konteks perbualan remaja.

Selain itu, Hasmidar Hassan (2005) meneroka kata hubung *dan* dari segi semantik dan pragmatik. Dapatan beliau menunjukkan bahawa ia mempunyai pelbagai makna seperti kata kerja keadaan yang menyatakan keadaan yang diam. Ia juga berbeza daripada konteksnya. Kajian ini dijalankan secara mendalam dari segi teori, praktis, sifat fungsional dan konteksnya.

Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009) membincangkan makna imbuhan *peN*. Para pengkaji telah memilih Teori Relevan dan Teori Rangka Rujuk Silang untuk membezakan makna imbuhan *peN* - yang mempunyai makna sebagai manusia, bukan manusia melalui konteks dan atribut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa makna imbuhan *peN* - boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu manusia dan bukan manusia, yang mana bukan manusia boleh dibahagikan kepada bernyawa dan tidak bernyawa.

Penulis yang sama juga mengkaji semantik imbuhan *beR* - (Nor Hashimah Jalaluddin dan rakan-rakan, 2010). Kajian nahu praktis (KNP) ini memberikan makna imbuhan

beR - secara deskriptif dengan berteraskan data korpus yang bersifat kontemporari dan autentik. Ia menggambarkan penggunaan sebenar bahasa oleh penutur natif. Para penulis telah menggunakan Teori Prototaip dan Model Kategori Jaringan Radial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peluasan makna imbuhan *beR* - mempunyai kekuasaan teras dan kekuasaan pinggiran. Perbezaan inilah yang membawa perluasan makna terhadap imbuhan *beR*-.

Mohd Azemi Mohd Yusoff (2003) mengkaji tentang struktur Semantik Kategori *Ada* Berdasarkan Struktur Konseptual Leksikal. Kategori *ada* mempunyai pelbagai tanggapan seperti *ada* sebagai kategori pemerian yang memerikan entiti; yang mana ia juga mempunyai identiti tersendiri dan boleh membentuk struktur ayat tanpa subjek. Oleh itu, penulis ingin memperincikan penggunaan kategori *ada* ini. Beliau telah menggunakan teori struktur semantik untuk memperincikannya. Akhirnya, dapatan menunjukkan bahawa *ada* ialah kategori kata kerja keadaan yang menyatakan keadaan diam.

Seterusnya, Peluasan Makna *Alim*: Analisis Semantik Kognitif (Nor Hashimah Jalaluddin dan rakan-rakan 2012) membincangkan makna semantik yang terdapat dalam kosa kata yang diserap daripada bahasa Arab. Beliau telah membataskan kajian perkataan *Alim* dari segi leksikal, sosio budaya dan pemikiran sahaja. Beliau telah menggunakan teori prototaip untuk mendapatkan maklumat. Dapatan beliau menunjukkan bahawa *Alim* berfungsi sebagai makna pinggiran; sifat; arif ilmu lain; gelaran atau darjat; sebagai kiasan dan firasat.

Selain itu, jurnal yang dikarang oleh Qaid Muhammad dan rakan-rakan (2012) membincangkan perbezaan preposisi *fii* bahasa Arab dalam penggunaan dialek Taizzi dan dialek Yemen. Para pengkaji telah menggunakan Teori Kognitif Tatabahasa untuk mengenalpasti perbezaan tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa *fii* mempunyai pelbagai kegunaan dalam kedua-dua dialek tetapi penggunaan ini berbeza daripada skema am. Para pengkaji juga mencadangkan agar kajian ini dilakukan ke atas dialek lain.

Maslida Yusof (2012) membincangkan preposisi *dengan*. Preposisi *dengan* dianggap tidak mempunyai satu perwakilan Struktur Logik yang dasar, sebagaimana yang ditunjukkan oleh enam jenis preposisi. Penggunaan preposisi *dengan* dalam 'penyertaan' yang pelbagai menyebabkan ia tidak dapat dikaitkan dengan posisi penghujahan dalam Struktur Logik. Kajian ini menggariskan sub-kategori sintaksis kata kerja yang boleh dikaitkan dengan Struktur Logik. Untuk mengenal pasti semantiknya, beliau telah menggunakan teori *Role and Reference Grammar* (RRG). Dapatan kajian kualitatif ini menyatakan bahawa preposisi *dengan* boleh hadir dalam semua kata kerja. Ia berperanan sama ada sebagai alat, pelaksana, komiatif dan sebagainya.

Pengkaji yang sama juga telah membuat kajian bertajuk Analisis semantik Preposisi *daripada* dan hubungannya dengan Kata Kerja. Pengkaji telah menunjukkan kepelbagaian peranan preposisi *daripada* yang berkolokasi dengan kata kerja yang muncul bersama-sama klausa. Setelah mengupas jurnal ini, terdapat beberapa dapatan yang mana preposisi *daripada* menunjukkan dua jenis hubungan iaitu sebagai sumber peralihan milik, transformasi dan pemulihan. Ia juga berperanan sebagai sumber dan penghubung di samping berfungsi sebagai kandungan semantik kata kerja iaitu penyempurnaan kausatif.

Maslida Yusuf dan rakan-rakan, (2010) telah menjalankan satu kajian mengenai perkaitan Semantik Kata Kerja Bahasa Banjar Kuala: Satu Analisis Varian Kuin, Banjarmasin. Dalam kajian ini, beliau telah memilih tiga perkataan iaitu *potong*, *bawa* dan *pukul* yang dituturkan oleh masyarakat Banjar Kuala. Tiga perkataan ini dianalisa mengikut Analisis Komponen Makna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata kerja mempunyai cebisan semantik yang sama iaitu makna konsepnya. Selain itu, semantik yang tertentu mempunyai satu set konsep yang universal dan satu lagi adalah untuk mengkhususkan bagaimana konsep-konsep ini dapat digabungkan bagi tujuan leksikal.

Chen-Sheng (2010) dalam kajian beliau yang bertajuk 'Journal Dimension – Denoting Classifiers in Taiwanese Compound Adjectives' membincangkan denotasi dimensi adjektif besar (*da*) dan kecil (*xiao*) dalam bahasa Taiwan. Beliau mengkaji penggunaan adjektif dari segi sintaksis, morfologi, dan semantik adjektif *da* dan *xiao*. Dapatan beliau menjelaskan bahawa adjektif seperti *da* dan *xiao* tidak boleh ditanda dengan pengelasan yang sesuai. Beliau berpendapat denotasi dimensi adjektif *da* dan *xiao* boleh diambil daripada konteks sahaja.

Indirawati Zahid (1995) membicarakan semantik leksikal dalam Peribahasa Melayu. Beliau memfokuskan penggunaan leksikal kata nama bahagian tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Beliau telah menggunakan analisis komponen makna untuk menganalisa makna sesuatu perkataan. Dengan penggunaan teori ini, beliau telah menggambarkan kecekapan berfikir masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam mendapatkan makna yang betul dengan pemilihan kata yang digunakan dalam sesuatu peribahasa. Selain itu, beliau turut memfokuskan makna konotasi golongan kata semantik leksikal yang telah dikategorikan.

Seterusnya, kajian E.Rigoti (2006) membezakan dua kegunaan lembaga denotasi dan konotasi sebagai istilah teknikal dalam semantik. Teori yang digunakan untuk denotasi ialah teori St.Anselm manakala teori Okham digunakan sebagai panduan kepada aspek

konotasi. Dapatan kajian kualitatif ini menunjukkan bahawa makna konotasi mempunyai beberapa ciri seperti sikap, penutur, nilai, emosi, fakta sosial, situasi dan komunikatif. Makna konotasi dapat digolongkan dalam makna bukan usulan. Ia merupakan makna umum sahaja.

Kajian- kajian ini telah membuka mata pengkaji untuk melakukan kajian semantik ke atas frasa nama kebudayaan Tamil. Kebanyakan kajian Maslida Yusof dan rakan-rakan menggunakan perkataan kata kerja , preposisi *dengan* dan *daripada* sebagai sumber kajian. Maka ia mendorong pengkaji memilih frasa nama kebudayaan Tamil dari *blog Thirutamil* sebagai sumber kajian.

2.5 Kerangka Teori

2.5.1 Pengklafikasian Peter Newmark

Peter Newmark (1988) membezakan ‘kebudayaan’ daripada bahasa universal dan individu atau *personal*. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat beberapa kebudayaan dan juga sub-kebudayaan di dalam sesuatu bahasa. Namun demikian, menurut beliau, perkataan dialek tidak boleh dikategorikan sebagai perkataan kebudayaan sekiranya perkataan-perkataan itu mewakili bahasa universal. Jika sesuatu perbualan komuniti memberi fokus atau penumpuan terhadap satu topik khas, ia dikenali sebagai ‘fokus kebudayaan’. Pada kebiasaannya, jika terdapat fokus kebudayaan, maka akan berlaku masalah penterjemahan disebabkan oleh wujudnya jurang kebudayaan ataupun adanya jarak antara sumber dan juga bahasa yang disasarkan. Pada hakikatnya, Peter Newmark tidak menafikan bahawa bahasa adalah satu komponen ataupun unsur kebudayaan. Bahasa sememangnya mengandungi semua jenis unsur kebudayaan seperti tatabahasa, kata panggilan dan juga leksis.

Pada umumnya, kebanyakan perkataan ‘kebudayaan’ senang untuk dikenal pasti memandangkan perkataan-perkataan ini ada hubungkaitnya dengan sesuatu bahasa. Menurut beliau, perkataan-perkataan kebudayaan boleh diterjemahkan mengikut lima kategori dan beliau mengadaptasikan ciri-ciri Nida untuk mengkategorikannya.

2.5.1.1 Ekologi

Ciri-ciri Geografi boleh dibezakan daripada unsur-unsur kebudayaan yang lain kerana ia tidak mempunyai nilai-nilai khas dari segi politik dan juga ekonomi. Namun, proses penyebaran dan kepenggunaan sesuatu perkataan kebudayaan itu bergantung kepada kepentingannya kepada sesebuah negara asal dan juga kadar keempunyaannya yang spesifik. Kebiasaan dan pengenalan sesuatu perkataan berfungsi terhadap kepentingan dan kedudukan geografi ataupun politik sesuatu negara. Biasanya, kesemua perkataan ini boleh dialihkan melalui penambahan nilai bebas-kebudayaan terhadap kewujudan perkataan yang baharu terutamanya apabila ia diperlukan di dalam sesuatu teks. Perkataan-perkataan yang digolongkan dalam kategori ekologi berdasarkan kajian Nida adalah musim, hujan, bukit atau gunung pelbagai saiz.

2.5.1.2 Budaya Material

Ciri-ciri Budaya Material dilihat dari segi ‘*makanan*’, ‘*pakaian*’, ‘*rumah dan bandar*’ mahupun ‘*pengangkutan*.’ Menurut Newmark, makanan merupakan unsur yang paling sensitif untuk ramai orang dan juga ia adalah satu sumber ekspresi penting kebudayaan sesebuah negara. Nama-nama yang diberikan untuk sesuatu menu adalah berasaskan kepada ciri-ciri budaya sesebuah negara yang boleh dilihat dalam bentuk menu sesuatu makanan atau masakan. Ia merangkumi unsur-unsur *transparen*, pelbagai bahasa, buku masakan, panduan makanan, brosur pelancong, atau bidang kewartawanan yang mana kepenggunaan perkataan kebudayaan pinjaman untuk makanan menjadi semakin meluas.

Sementara itu, pakaian pula dipengaruhi dan dihubungkan dengan *gender* atau jantina. Dari segi tradisinya, golongan lelaki daripada kelas atasan adalah lebih cenderung kepada budaya Inggeris dan golongan perempuan pula adalah lebih cenderung kepada budaya Perancis. Namun, pakaian kebangsaan tradisional sebagai *sari, kimono, yukata, jubah, kaftan* dan *jeans* tidak pula melalui proses penterjemahan. Pakaian sebagai terminologi kebudayaan boleh diperjelaskan dengan mudah jika perkataan-perkataan tersebut ditambah dengan kata nama atau unsur sesuatu pengelasan. Sememangnya proses ini tidak wujud jika topik perkataan-perkataan ini tidak diminati ramai. Secara umumnya, sesuatu perkataan itu adalah kekal terutamanya melibatkan anggota badan yang bersesuaian dengan perkataan yang digunakan tetapi akan berlaku perubahan apabila bergantung kepada cuaca dan jenis material yang digunakan.

